


**Bil. 31
Jilid II**



MALAYSIA

**Hari Rabu
28hb Julai, 1976**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3413]**

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Kelapan) [Ruangan 3436]

Anggaran Pembangunan, 1976 [Ruangan 3489]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3512]

DICETAK OLEH

**IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

1978

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN. D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHEUNG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISAMIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita :

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 28hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

MINYAK MENTAH

1. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) sudahkah perjanjian mengenai pengeluaran minyak antara Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Pusat ditandatangani, kiranya sudah, bila dan apakah faedah yang akan didapati oleh rakyat Sabah dari perjanjian ini;
- (b) adakah sebuah refinery akan didirikan di Sabah, kiranya ada, di mana dan bila akan didirikan dan adakah rakyat Sabah akan menikmati harga minyak yang murah dari negeri-negeri lain di Malaysia yang tidak mengeluarkan minyak, kiranya tidak, mengapa;
- (c) berapa banyak negeri dalam Malaysia yang telah menandatangani perjanjian pengeluaran minyak dengan Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri manakah yang telah dapat dipungut hasilnya, sila nyatakan berapa tong minyak mentah dan harganya; dan
- (d) untuk menolong rakyat dalam Malaysia ini adakah Kerajaan bercadang hendak menjualkan minyak mentah dalam negeri ini dengan harga special, tidak mengikut kadar harga international melainkan untuk jualan keluar negeri, kiranya tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Pusat tidak menandatangani apa-apa perjanjian mengenai pengeluaran minyak dengan mana-mana

Kerajaan Negeri. Perjanjian yang sudah ditandatangani oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sebenarnya ialah dengan PETRONAS iaitu mengenai pemberian hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan untuk mencari dan memperolehi petroliaam sebagaimana dikehendaki oleh Seksyen 2 (2), Akta Kemajuan Petroliaam, 1974. Seksyen 4 Akta tersebut juga memperuntukkan pembayaran wang tunai sebagai balasan bagi pemindahan perkara-perkara tersebut di atas. Kerajaan Negeri Sabah telah menandatangani Perjanjian tersebut pada 14hb Jun, 1976. Mengikut Perjanjian tersebut, Negeri Sabah akan mendapat bayaran sebanyak 5% dari nilai petroliaam yang didapati di Negeri Sabah yang dijual oleh PETRONAS atau kontraktor-kontraktornya atau ejen-ejenya. Dengan ini, rakyat Sabah dengan secara tidak langsung, akan mendapat faedah dari Perjanjian yang tersebut.

- (b) Soal mendirikan sebuah kilang penapis minyak adalah bergantung kepada beberapa faktor, seperti keupayaan kilang-kilang penapis minyak yang ada sekarang, jumlah dan perkembangan pasaran bagi berbagai jenis minyak di negara ini, mutu minyak mentah tempatan, campuran minyak mentah yang diperlukan dan lain-lain faktor ekonomi. Memandangkan kepada pertambahan keperluan barang-barang atau keluaran-keluaran petroliaam, ada kemungkinan bahawa sebuah kilang penapis tambahan diperlukan dalam tahun 1980/1981 bagi menampung keupayaan kilang-kilang penapis yang ada sekarang. Perkara ini sedang dalam pengkajian PETRONAS, maka di mana dan bila akan didirikan tidaklah dapat ditentukan. Saya telah terangkan dalam Dewan ini pada 15hb Julai, 1976 bahawa 65% daripada minyak

mentah yang diproses di Malaysia adalah diimpot daripada Asia Barat. Harga barang-barang atau keluaran-keluaran petroliam samada di Negeri Sabah atau lain-lain negeri di Malaysia adalah bergantung kepada harga minyak mentah yang diimpot itu. Dengan itu, tidaklah bermakna bahawa dengan adanya pengeluaran minyak di Sabah dengan secara langsung dapat menurunkan harga minyak.

- (c) Semua Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia termasuk Kerajaan Pusat telah menandatangani perjanjian yang saya sebutkan dalam jawapan soalan (a) tadi, dengan PETRONAS.

Setakat ini PETRONAS telah membuat bayaran sebanyak \$80 juta kepada Kerajaan Pusat, \$65 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan \$10 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah. Minyak mentah yang dikeluarkan di antara 1hb April, 1975 hingga 21hb Mac, 1976 ialah di Sarawak 35,008,896 tong dan di Sabah 4,443,561 tong dan harga purata setong minyak mentah dalam jangkamasa ini ialah U.S.\$12.28.

- (d) Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat maklum, telah beberapa kali dinyatakan di dalam Dewan ini bahawa minyak mentah yang dikeluarkan oleh negara ini mendapat harga yang tinggi di pasaran dunia disebabkan mutu yang tinggi. Minyak mentah yang diimpot untuk diproseskan bagi kegunaan tempatan adalah lebih murah. Oleh itu tidaklah ekonomik dan sangat merugikan jika minyak mentah keluaran tempatan dijual dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran eksport.

Kerajaan telah berusaha menolong rakyat supaya tidak mengalami kesan yang lebih buruk berikutan kenaikan harga minyak mentah dengan mengecualikan cukai pokok, cukai impot dan cukai eksais ke atas minyak diesel dan minyak tanah. Tindakan ini dapat menahan kenaikan harga yang lebih tinggi bagi keluaran-keluaran tersebut.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa pengeluaran minyak-minyak ini di Sabah dan Sarawak.

Apa yang saya ingin tahu daripada telaga-telaga minyak yang didapati di negeri Trengganu itu adakah sudah mengeluarkan minyak?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Dukacitanya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat faham tentang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minyak di Trengganu. Soalan ini lain sedikit daripada soalan asal tetapi kalau Yang Berhormat Menteri boleh jawab, silalah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, di Trengganu masih belum ada pengeluaran sebagai cara commercial tetapi ada kemungkinan bahawa boleh dapat minyak di kawasan Trengganu juga.

PERPUSTAKAAN PARLIMEN

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar perpustakaan Parlimen berkurangan kakitangan dan wang; nyatakan samada peruntukan wang dan kakitangan yang lebih akan diperuntukkan untuk perpustakaan tersebut supaya menukarnya kepada suatu pusat pengkajian dan penerangan yang lebih cekap untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen supaya membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perpustakaan Parlimen mempunyai 6 orang kakitangan yang terdiri daripada Pegawai Perpustakaan, Penolong Pegawai Perpustakaan, Pegawai Kerani, Jurutaip, Attendan Perpustakaan dan Pelayan Pejabat. Buat sementara waktu, bilangan kakitangan adalah mencukupi menjalankan pekerjaan biasa di perpustakaan. Sekarang ini perpustakaan mempunyai sebanyak 15,000 buah buku terutamanya dalam bidang politik, ekonomi, undang-undang, falsafah dan agama selain daripada buku-buku undang-undang dan warta Kerajaan Perkhidmatan Potongan Akhbar ada disediakan juga untuk menfailkan rencana-rencana baharu daripada surat-khabar bagi rujukan oleh ahli-ahli.

Kerajaan sedang menimbangkan bagi menambahkan jumlah kakitangan dan juga peruntukan membeli buku supaya perpustakaan menjadi suatu tempat penyelidikan dan penerangan untuk Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah cuba menggunakan perpustakaan Dewan Rakyat oleh kerana jikalau beliau ada cuba menggunakan perpustakaan Dewan Rakyat beliau akan tahu bagaimana tidak puas hatinya keadaan di perpustakaan itu. Adakah beliau sedar bahawa perpustakaan Dewan Rakyat lebih sesuai disifatkan sebagai sebahagian archives dan bukan library di mana Ahli-ahli Parlimen yang hendak menggunakan perpustakaan tidak boleh dapat maklumat-maklumat atau rencana-rencana atau keluaran-keluaran tempatan; tidak payah kita sebut keluaran-keluaran (publications) luar negeri untuk digunakan dalam perbincangan-perbincangan atau akta-akta. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perpustakaan Dewan Rakyat tidak ada akta-akta yang up-to-date apabila seorang Ahli Dewan Rakyat dan saya selalu pergi memohon akta-akta yang up-to-date, bukan akta-akta 10 tahun yang dahulu di mana ada beberapa pindaan-pindaan; yang up-to-date tidak boleh didapati dan selalu sangat merumitkan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat soalan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya boleh tunggu jawapannya dahulu.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab bahawa Kerajaan sedar peruntukan yang sekarang diberi kepada library tidak mencukupi dan sekarang Kerajaan sedang menimbangkan bagi menambah peruntukan. Berkenaan dengan perpustakaan sekarang dalam keadaan sebagai archives, saya tidak bersetuju tetapi Kerajaan sedia maklum bahawa buku-buku yang ada sekarang dalam perpustakaan tidak cukup sebab peruntukan tidak mencukupi.

Berkenaan dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa akta-akta yang belum up-to-date, saya mengucapkan terima kasih dan tindakan akan diambil atas perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bukan sahaja buku-buku tidak cukup tetapi banyak buku-buku yang sebilangan 15,000 itu ialah terdapat dalam tahun lima puluhan atau British Council

donation dan lain-lain dan bukan acquisition sekarang. Library yang ada berguna mesti boleh mengikut pengaliran perkembangan perubahan sekarang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sangat perlu dalam perpustakaan ada mesin photocopy di mana Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mahu menggunakan boleh dapat kemudahan untuk menggunakan copy rencana-rencana atau artikel-artikel untuk digunakan dalam perbincangan atau urusan Parlimen.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikata oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar bahawa buku-buku yang telah didapati oleh perpustakaan masih disimpan dan sekarang tindakan sedang diambil untuk membeli buku-buku yang baru. Berkenaan dengan photocopying machine, perkara ini Kerajaan akan mengambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Buku-buku lama simpan juga, bila beli buku baru; yang lama jangan dibuang.

Tuan Lim Kit Siang: Betul, saya mahu buku baru dan bukan semua buku lama, sebab itu jadi muzium.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini daripada archives sudah pergi muzium pula. Apa soalan tambahannya? (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana satu daripada sebab ialah kekurangan kakitangan-kakitangan, bolehkah dalam pertimbangan perkara ini untuk mengadakan satu perpustakaan yang lengkap dan cekap untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak yang tertentu yang menjalankan pertimbangan ini berfikir bukan sahaja tambahan kakitangan-kakitangan dalam perpustakaan, tetapi menghantar mereka mengikut kursus-kursus library untuk membolehkan menjalankan satu perpustakaan yang moden.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan menghantar kakitangan-kakitangan mengambil kursus, perkara ini boleh dipertimbangkan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri datang melihat dan adakah

beliau sedar bahawa buku-buku dalam Bahasa Malaysia yang mana identiti Bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi adalah sangat berkurangan di dalam khutub-khanah tersebut. Ini adalah memalukan negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedar atau tidak, itu sahaja.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya ada melawat perpustakaan dan saya sedar dan seperti saya telah jawab bahawa kita sedang mengambil tindakan untuk membeli buku-buku dalam Bahasa Malaysia dan juga lain-lain.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menimbangkan untuk menghantar Librarian Perpustakaan Parlimen kita keluar negeri untuk mendapatkan training yang lanjut dan pengalaman untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah bertanya dan sudah dijawab.

PENGERUSI PETRONAS

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar kedudukan sekarang di mana Pengerusi Petronas adalah juga menjadi Menteri Kewangan tetapi di mana hal-hal mengenai Petronas terlibat, Perdana Menteri dan bukanlah Menteri Kewangan yang bertanggungjawab untuknya di Parlimen adalah tidak memuaskan dan nyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk merasionalkan keadaan ini dengan meletakkan Petronas di bawah Kementerian Kewangan ataupun melantik seorang Pengerusi Petronas yang baru.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang sedar tentang kedudukan Pengerusi Petronas dan beliau akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai perkara ini.

HARTA DAN HAK MILIK AHLI PARLIMEN/NEGERI

4. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Perdana Menteri kenapa Kerajaan membantah kuat terhadap peristiharan harta dan hak milik dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Perhimpunan Negeri.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menjawab satu soalan yang serupa di dalam Dewan ini pada 14hb April, 1976, dan tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya tambah kepada jawapan yang telah diberi oleh beliau itu.

MINYAK MENTAH

5. Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan hendak memproses minyak yang dikeluarkan di negara ini; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang hendak menurunkan harga minyak demi kepentingan rakyat dan negara.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya jawab tadi:

- (a) pada masa ini cuma 23% daripada jumlah keluaran minyak mentah di negara ini diproses di Malaysia. Ini disebabkan bahawa sebahagian besar daripada keperluan minyak mentah untuk kilang-kilang penapis minyak yang ada di Malaysia sekarang menggunakan minyak mentah yang diimport dari luar negeri terutama sekali dari negara-negara Asia Barat. Keadaan ini berlaku oleh sebab kebanyakan kilang-kilang penapis minyak yang sekarang telah dari dahulu lagi direka bentuk untuk memproses jenis minyak mentah yang didapati di Asia Barat, sementara minyak mentah tempatan cuma digunakan sebagai campuran sahaja.

Walau bagaimanapun, memandang kepada pertambahan keperluan barang-barang dan keluaran-keluaran petroliaam bagi tempoh lima tahun akan datang, ada kemungkinan sepertimana saya sebutkan tadi bahawa sebuah kilang penapis minyak tambahan akan dikehendaki dalam tahun 1980/81. Sungguhpun begitu, kilang penapis minyak tambahan itu tidak mungkin memproses minyak mentah tempatan 100% oleh sebab keperluan barang-barang atau keluaran-keluaran petroliaam di negara ini berkehendakkan pengguna jenis minyak mentah yang datang dari luar negeri.

(b) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menjual minyak petrol dengan harga yang lebih rendah oleh sebab harga minyak mentah yang digunakan untuk mengeluarkan minyak petrol itu masih lagi mahal. Apabila harga minyak mentah telah dinaikkan oleh Negara-negara OPEC, Kerajaan terpaksa membenarkan syarikat-syarikat minyak di negara ini menaikkan harga minyak petrol di negara ini. Sungguhpun begitu, peratus kenaikan harga minyak itu tidaklah sama dengan peratus kenaikan harga minyak mentah oleh sebab Kerajaan telah mengecualikan cukai-cukai yang berkenaan, misalnya, bagi minyak tanah, Kerajaan telah mengecualikan cukai tokok, cukai impot dan cukai eksais. Dengan tindakan Kerajaan itu maka kesan lebih buruk berikutan dengan kenaikan harga minyak oleh Negara-negara OPEC itu dapat dielakkan. Oleh itu, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang hendak menurunkan harga minyak petrol buat masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian berkenaan sedar walaupun negara-negara OPEC tidak menurunkan harga minyak mentah tetapi sebenarnya di pasaran dunia Kerajaan kita boleh membeli minyak mentah dengan harga yang kurang daripada yang ditetapkan. Oleh itu, mengapakah Kerajaan tidak mengurangkan harga minyak yang dijual di petrol pump.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi keluaran minyak mentah ini mendapat harga pasaran dunia dan oleh kerana mutu harga minyak mentah yang dikeluarkan ini ialah mutu tinggi kita boleh dapat harga yang lebih memuaskan dan harga minyak mentah yang dibeli dari Asia Barat pun mengikut harga dunia juga, maka tidaklah dapat kita menurunkan harga pasaran di mana kita beli minyak itu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi dijangkakan dalam tempoh lima tahun yang akan datang akan diadakan memproses minyak di sini. Sudahkah Kerajaan mula menghantar

ke seberang laut pegawai-pegawai kita untuk menjalani latihan dalam bidang menggali sehingga kepada bidang memproses minyak memandangkan bahawa negara kita adalah sebuah negara potensi yang mengeluarkan minyak mentah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS ada menghantar pegawai-pegawai yang berkenaan ke luar negeri untuk mendapatkan latihan dan pelajaran tentang bidang teknologi minyak.

BIRO PENGADUAN AWAM

6. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana Pasukan Petugas telah mengendalikan kerjanya sejak badan itu ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan aktiviti Biro Pengaduan Awam dengan tujuan membolehkan Biro itu bergerak dengan lebih berkesan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Petugas bagi mengkaji perjalanan Biro Pengaduan Awam telah ditubuhkan pada 13hb Februari, 1976 yang mana tujuannya adalah untuk mengkaji semula perjalanan Biro Pengaduan Awam ini supaya cara pergerakannya (Modus Operandi) dapat diperbaiki dan ia boleh berjalan dengan lebih berkesan bagi mencapai matlamat-matlamat penubuhannya.

Pasukan Petugas ini sedang giat mengkaji semula aktiviti-aktiviti Biro Pengaduan Awam dan pada masa ini sedang menyiapkan laporan dan syor-syor untuk dibentangkan kepada Kerajaan untuk pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sedar bahawa bilangan kakitangan dalam Biro Pengaduan Awam itu langsung tidak mencukupi untuk menghadapi beban kerja dan jika beliau sedar samada Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan kakitangan sebagai satu langkah untuk memperbaiki perkhidmatan yang dapat diberi oleh Biro itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar bahawa kakitangan yang bertugas di dalam Biro Pengaduan Awam setakat ini ialah tidak mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja yang

boleh dikatakan memuaskan. Pasukan Petugas yang memberi syor-syor kepada Kerajaan akan mengambil berat tentang masalah ini.

ELAUN TENTERA WATANIAH

7. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa elaun anggota-anggota pasukan tentera wataniah tidak pernah dinaikkan semenjak ianya ditubuhkan sehingga sekarang. Jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk menaikannya mengikut keadaan masa sekarang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas perkara ini. Kerajaan sedang mengkaji satu cadangan untuk menaikkan kadar elaun yang dibayar kepada anggota-anggota Askar Wataniah pada masa sekarang.

SAMUN DAN ROMPAKAN DI LEBUHRAYA JOHOR/SINGAPURA

8. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bertambahnya samun dan rompak di lebuhraya antara Johor-Singapura dan mengakibatkan kerugian kepada Pedagang-pedagang dan Pelancong yang datang ke Malaysia menjadi mangsa dan setengah daripadanya dirogol, jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil bagi menyekat kejadian tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada keadaan atau kejadian samun dan rompak berlaku di lebuhraya antara Johor dengan Singapura.

BEKALAN LETRIK KE KAMPUNG BIDAYUNG

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa Kampung Bidayung yang mempunyai lebih 300 buah rumah tidak dapat dibekalkan dengan letrik. Pada hal jauhnya hanya satu batu sahaja dari Telok

Sarih, Parit, yang mendapat bekalan letrik dari rancangan Bukit Tunggul, jika sedar, bilakah kampung tersebut akan mendapat bekalan letrik kerana perbelanjaan yang diperlukan sedikit sahaja.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa penyambungan bekalan letrik ke Kampung Bidayung, Parit dan kampung-kampung di sekitarnya sedang di dalam perhatian dan pertimbangan Majlis Tindakan Negeri Perak di bawah Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar, Rancangan Malaysia Ketiga. Kementerian saya akan hanya meluluskan projek tersebut apabila cadangan dan persetujuan Kerajaan Negeri diterima nanti.

KAPAL SHOWA MARU—GANTIRUGI KECEMARAN DI SELAT MELAKA

10. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Jepun telah membayar wang ganti rugi kepada Kerajaan Malaysia sebagaimana yang telah dipersetujui antara mereka akibat kecemaran laut disebabkan pecahnya kapal minyak Showa Maru di Selat Melaka beberapa masa yang lalu, dan berikan jumlah bayaran yang mesti dibayar;
- (b) jika belum, bilakah bayaran itu akan dibuat dan bagaimanakah cara bayaran itu dibuat;
- (c) bagaimanakah Kerajaan kita bercadang untuk menggunakan wang bayaran ganti rugi itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan berulangnya kejadian yang tersebut itu di Selat Melaka.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya tuntutan ganti rugi kerana kecemaran laut akibat daripada kemalangan kapal pengangkutan minyak Jepun, Showa Maru telah dibuat oleh Kerajaan

Malaysia terhadap tuan-punya kapal tersebut, iaitu Taiheiyi Kaiun Co. Ltd., dan tidak Kerajaan Jepun sebagaimana yang telah difahamkan. Walau bagaimanapun, urusan-urusan awal mengenai tuntutan ini telah dilakukan melalui Kerajaan Jepun, yang kemudiannya merujuk kepada pihak yang berkenaan.

Rundingan-rundingan telah dilakukan oleh pihak kami dengan syarikat tersebut yang kemudiannya telah melantik sebuah syarikat peguambela dan peguamcara untuk mewakili mereka di dalam rundingan-rundingan selanjutnya. Dokumen-dokumen mengenai tuntutan tersebut telah kami serahkan kepada pihak yang berkenaan pada penghujung tahun lepas dan kini dikaji oleh syarikat tersebut. Pada masa ini, peguam mereka sedang berada di London untuk berunding dengan pihak insuran, dan keputusannya akan diumumkan kepada kami dijangka pada akhir bulan ini.

- (b) dan (c) Di dalam hubungan ini adalah tidak mungkin bagi saya menjawab soalan (b) dan (c) sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana perkara tersebut masih belum diselesaikan lagi.
- (d) Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai langkah-langkah Kerajaan untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan kapal pengangkut minyak di Selat Melaka menyentuh suatu bidang yang luas di bawah tanggungjawab Kementerian Perhubungan. Ini adalah kerana langkah-langkah tersebut adalah berkaitan dengan masalah-masalah perkapalan. Di dalam hubungan ini adalah mencukupi bagi saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Indonesia dan Singa-

pura untuk mengujudkan suatu Sekim Pemisahan Lalu-lintas serta memperbaiki lagi keselamatan lalu-lintas di Selat Melaka.

Walaupun bagaimanapun, sesuatu kemalangan tidak dapat diramalkan dan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Oleh kerana ini Kementerian saya telah menyiapkan Rancangan Kontinjensi Kebangsaan bagi Mengawal Pencemaran Minyak di Selat Melaka yang telah diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini. Ini adalah bertujuan untuk mencegah pencemaran minyak apabila berlaku sesuatu kejadian kemalangan kapal-kapal yang tidak dapat diduga.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan jika berlaku pencemaran di laut disebabkan kapal pecah ini dan melibatkan pendapatan nelayan-nelayan seperti yang berlaku baru-baru ini di Pantai Batu Pahat dan Pontian, jadi apakah tindakan Kerajaan yang segera untuk mengatasi masalah kehidupan nelayan-nelayan kita.

Tan Sri Ong Kee Hui: Ini satu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalannya lain tetapi hubungannya ada. Jadi, ada apa-apa tentang nasib nelayan yang tidak dapat menangkap ikan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tentang itu, perlulah kita adakan satu contingency plan untuk mengawal pencemaran seperti yang terjadi.

BILEK SEMBAHYANG

11. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang kesusahan-kesusahan dialami oleh penumpang-penumpang Kapal Terbang MAS dan Keretapi Tanah Melayu yang beragama Islam kerana bilik sembahyang tidak disediakan di lapangan terbang dan di stesyen-stesyen keretapi dan jika ya, bilakah kemudahan ini akan disediakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar di atas kesusahan yang dialami oleh penumpang-penumpang yang beragama Islam yang hendak menunaikan sembahyang di setengah-setengah stesyen keretapi dan di lapangan terbang. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang pihak Jabatan Penerbangan Awam telahpun menyediakan sebuah surau untuk kegunaan orang ramai yang beragama Islam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Keperluan-keperluan juga telah dibuat untuk menyediakan bilik sembahyang di Lapangan Terbang Pulau Pinang, Kota Bharu dan Kuala Trengganu. Untuk Lapangan-lapangan terbang yang lain, keperluan untuk mengadakan bilik sembahyang akan dibuat sekiranya ada rancangan untuk membesarkan lapangan terbang itu.

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu adalah mengambil perhatian ke atas perkara ini dan setakat ini pihak tersebut telah mengadakan sebuah bilik sembahyang di stesyen Keretapi Gemas dan bilik ini telah siap dibina pada 23hb April, 1976.

CHEMICAL COMPANY OF MALAYSIA (C.C.M.)

12. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa Chemical Company of Malaysia (C.C.M.), pengimpot satu jenis weed-killer bernama Paraquat dari semenjak 10 tahun yang lampau membayar cukai impot hanya \$1 segallon, walhal bahan ini cukainya adalah \$3 segallon dan pada tahun 1975 sahaja Syarikat tersebut mengimpot 600,000 gallon. Jika sedar apakah tindakan yang diambil untuk menuntut kekurangan bayaran itu dan mengapa perkara ini boleh berlaku.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya inginlah menjelaskan bahawa bahan yang sebenarnya diimpot oleh Syarikat Chemical Company of Malaysia (C.C.M.) ialah Paraquat Dichloride yang diperjeniskan di bawah Kod Tarif 29.35.900 yang mana tidak berduti langsung. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam kes yang dimaksudkan itu tidaklah ada apa-apa cukai kebelakangan yang berbangkit.

RASUAH DALAM SEKIM PENANAMAN GETAH

13. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sejauh mana tindakan telah diambil terhadap mereka yang terlibat dengan kes rasuah dari sekim penanaman getah semula;
- (b) negeri manakah dalam Semenanjung Malaysia ini yang banyak terlibat dengan perkara ini; dan
- (c) apakah langkah diambil bagi menjamin rakyat di kampung tidak lagi tertipu oleh mereka-mereka yang curang ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya telahpun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh di sidang Parlimen yang lalu iaitu pada 6hb April, 1976.
- (b) Selain daripada kes yang dinyatakan di atas yang melibatkan Negeri Kedah, Perak dan Seberang Prai yang akan dibicarakan di dalam bulan Januari, 1977 itu, beberapa kes yang lain di Semenanjung Malaysia adalah di dalam siasatan B.S.N. Saya percaya bahawa tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terlibat.
- (c) Saya telahpun menyatakan beberapa kali di sidang Parlimen yang lalu langkah-langkah yang sesuai yang diambil oleh RISDA dan langkah-langkah itu, di antara lain-lain, termasuklah memperketatkan sistem pentadbiran di dalam pemberian bantuan kepada pekebun-pekebun kecil dan juga meminda undang-undang dan peraturan-peraturan pentadbiran di mana didapati perlu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pindaan-pindaan tersebut telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini di sidangnya yang lepas.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada satu surat corruption dalam RISDA, dan semua Ahli Parlimen

dapat surat itu. Apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan ambil dan siasat atas perkara ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, surat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya surat yang tidak bertandatangan, tetapi berhubung dengan soalan yang dikemukakan ini, saya fikir ini soalan lain.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

14. Tuan Buja bin Gumbilai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa pada masa ini pun penduduk di luar bandar masih banyak memohon supaya diadakan Sekolah Rendah Kebangsaan di kawasan mereka kerana sekolah-sekolah yang sedia ada itu jauh dari tempat mereka, jika sedar apakah tindakan yang akan diambil supaya penduduk di luar bandar sama-sama menikmati kemudahan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, saya sedar bahawa pada masa inipun penduduk di luar bandar masih banyak memohon supaya diadakan sekolah-sekolah rendah kebangsaan di kawasan mereka.
- (b) Sebenarnya Kementerian Pelajaran telah berusaha seberapa boleh mengadakan sekolah-sekolah rendah kebangsaan seberapa dekat dari tempat penduduk-penduduk luar bandar. Jika sekiranya ada sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang jauh daripada tempat mereka, bilangan sekolah-sekolah semacam ini adalah terhad. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan yang sewajar untuk mengatasi masaalah seumpama ini supaya penduduk di luar bandar sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan tersebut. Dalam pengujutan sekolah di luar bandar, perkara yang penting ialah bilangan murid yang mencukupi. Sebuah sekolah mesti mengadakan sekurang-kurangnya enam darjah dan jika boleh lapan guru supaya pelajaran dapat diberi dengan sempurna. Tiap-tiap darjah mahulah ada bilangan murid yang cukup. Jika

di satu kampung cuma ada 50 orang murid, amatlah sukar bagi Kerajaan mengadakan sekolah yang sempurna. Oleh itu, adalah lebih baik murid ini pergi ke sekolah yang berdekatan.

TUNTUTAN GANTIRUGI CIK BADARIAH BINTI ABDUL MANAN

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau telah menerima sepucuk surat yang dikirimkan kepadanya oleh Y.B. Chian Heng Kai pada 9-4-1976 mengenai perkara menuntut gantirugi oleh Cik Badariah binti Abdul Manan dari Kampung Pechah Batu Jeliang, Manong, Kuala Kangsar, Perak, yang sekarang tercacat akibat dilanggar oleh sebuah kereta polis bernombor BB 6925 pada 18-7-1960 yang dipandu oleh P.C. 29794.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, surat Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah diterima dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu perkara tuntutan gantirugi oleh Cik Badariah binti Abdul Manan itu telahpun selesai sepertiimana yang diterangkan dalam surat Kementerian ini menjawab surat itu.

PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN

16. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 yang diterima setakat ini, bilangan permohonan yang diluluskan dengan memberikan pecahan angka mengikut kaum.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Bilangan permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 yang diterima dari tahun 1964 hingga 25hb Mei 1976 ialah sebanyak 44,114.
- (ii) Permohonan yang telah diselesaikan dalam jangka masa yang sama ialah sebanyak 37,788.
- (b) Kementerian ini tidak mempunyai angka pemohon-pemohon kewarganegaraan mengikut kaum.

PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN

17. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Pelajaran menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan sehingga 90% daripada calon-calon peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan dalam jurusan sains gagal dalam tahun 1975 dan apakah langkah yang diambil untuk mengelakkan kejadian seperti ini daripada berlaku lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan pada soalan yang agak sama ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 8hb Julai, 1976. Oleh itu, dpatlah kiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kembali kepada jawapan saya itu.

KONVENSYEN WARTAWAN ASEAN

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah di antara keputusan-keputusan yang penting yang boleh menolong memesatkan lagi hubungan dan perpaduan negara-negara anggota ASEAN, hasil dari konvensyen Wartawan-wartawan ASEAN di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Wartawan-wartawan ASEAN yang dimaksudkan dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini saya fikir ialah Mesyuarat Agung Tahunan Persekutuan Wartawan ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 7-8hb Jun, 1976, yang dianjurkan oleh Persatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sukacita saya menyatakan bahawa pertubuhan-pertubuhan bersendirian seperti Persekutuan Wartawan ASEAN itu, dengan sendirinya akan dapat memesatkan lagi hubungan dan perpaduan di antara negara-negara anggota ASEAN oleh kerana perkembangan atau kejayaan sesuatu badan serantau itu bukan sahaja bergantung kepada inisiatif dari pihak Kerajaan tetapi ianya memerlukan juga penyertaan aktif dari semua pihak lebih-lebih lagi dari pihak wartawan-wartawannya. Penubuhan Persekutuan Wartawan ASEAN itu adalah hasil

inisiatif pihak wartawan-wartawan ASEAN sendiri, dan langkah-langkah yang seperti ini dengan sendirinya akan dapat menjaya dan memperkembangkan lagi konsep kerjasama serantau ASEAN itu.

Mengenai keputusan-keputusan yang tertentu iaitu hasil dari mesyuarat Persekutuan Wartawan itu, saya dapati beberapa resolusi yang telah dibuat adalah penting untuk memesatkan lagi aktiviti-aktiviti kerjasama serantau ASEAN dalam bidang kewartawanan umpamanya: resolusi untuk mengadakan "Hari atau Minggu Akhbar ASEAN"; resolusi untuk mengadakan "Anugerah Kewartawanan ASEAN"; resolusi untuk mengadakan seminar-seminar; dan sebagainya. Langkah-langkah ini yang akan memesatkan lagi kerjasama dan perpaduan di antara kalangan wartawan-wartawan ASEAN khususnya, akan juga dapat mengeratkan lagi hubungan dan perpaduan di antara negara-negara ASEAN.

CAUSTIC SODA

19. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau telah memberi kebenaran kepada mana-mana syarikat atau orang perseorangan di Malaysia untuk membuat caustic soda jenis FLACK, jika ya, adakah perusahaan ini telah mula berjalan sekarang, dan jika tidak, adakah Kementerian beliau akan menimbang membenarkan untuk mengimpot caustic soda dari luar negeri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, memang benar kelulusan telah diberi mendirikan satu kilang mengeluarkan caustic soda jenis FLACK. Tetapi oleh kerana pengeluaran kilang ini tidak begitu mencukupi untuk menampung keperluan barang ini bagi negara, Kementerian tidak lama lagi akan membenarkan pengimpotan caustic soda untuk dapat menampung keperluan sepenuhnya untuk kegunaan negara.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kebenaran ini telahpun diberi begitu lama dan pengeluarannya belum dikeluarkan atau pun belum mencukupi. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar

bahawa sebelum daripada ini kesukaran yang amat sangat kepada pengusaha-pengusaha untuk menggunakan caustic soda ini dan kesukaran pula kepada pengusaha-pengusaha itu mendapatkan kebenaran untuk membawa masuk caustic soda daripada luar negeri dan adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya menyegerakan kebenaran ini kepada pemohon.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kawalan dikenakan di atas pengimpotan barang ini buat sementara supaya menjaga kedudukan kilang ini. Tetapi sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kerana ada pihak-pihak yang tertentu yang menggunakan barang ini tidak dapat bekalan yang mencukupi, keputusan telah diambil supaya melonggarkan pengawalan kemasukan barang ini dan pada esok hari satu Gazette Notification akan dikeluarkan melonggarkan kawalan ini dengan membenarkan kemasukan barang ini ke dalam negeri.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tadi Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa kawalan akan dilonggarkan dan kebenaran mengimpot caustic soda ke dalam negeri ini akan diberi. Saya ingin bertanya samada barang-barang ini akan diimpot secara quota ataupun akan dikenakan cukai.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kita dapati lebih baik barang ini dibenarkan masuk dari segi dikenakan cukai daripada quota.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, kelonggaran akan diberi dengan keadaan pengeluaran tidak mencukupi. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang apabila pengeluaran daripada kilang ini mencukupi, beliau akan menarik balik kebenaran yang diberi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kita akan melihat perjalanan kilang ini, kalau sekiranya kilang ini boleh mengeluarkan pengeluaran yang boleh menampung keperluan negara keseluruhannya maka untuk menjaga kedudukan kilang kita sendiri kita mungkin menimbangakan semula menggunakan kawalan yang tertentu supaya barang yang dimasukkan ke dalam negeri ini tidak bertanding dengan barang pengeluaran kilang ini dari segi harga dan bilangannya.

HOSPITAL DAERAH TELOK ANSON

20. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau bercadang hendak membina Hospital Daerah Telok Anson pada tapak tanah yang telah dibayar gantiruginya sejak dua tahun lalu. Jika ya, bila, dan jika tidak, kenapa?

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli yang Berhormat dari Petaling di Dewan ini pada 15hb Julai, 1976, dan saya telahpun memberikan jawapannya.

KILANG GETAH MARDEC

21. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar kilang getah MARDEC di Grisek, Muar hendak ditutup. Kalau ya, mengapa dan bila.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, kilang Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC) di Grisek, Muar, Johor telahpun ditutup buat sementara waktu pada 2hb Jun, 1976. Tindakan ini adalah untuk sementara waktu sahaja dan kilang ini dijangka ditutup selama lebih kurang 3 hingga 5 bulan.

Tindakan untuk menutup dengan sementaranya kilang di Grisek itu adalah untuk membolehkan peraturan-peraturan sesuai dibuat untuk memperbaiki pengurusan sebagai satu usaha yang meliputi usaha-usaha lain untuk mengkaji soal pengurusan operasi kilang-kilang MARDEC keseluruhannya. Pegawai-pegawai Kementerian saya dan MARDEC telahpun berusaha memberi penjelasan yang seluasnya kepada pihak Kerajaan Negeri Johor dan wakil-wakil rakyat di kawasan tersebut.

CUTI AM

22. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa sebilangan besar dari pengusaha-pengusaha kilang di negara ini sengaja mengeluarkan siaran kepada pekerja-pekerja mereka, seperti kilang N.S., supaya bekerja pada hari kelepasan am, seperti hari kelepasan menyambut Hari

Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; jika sedar, apakah itu dikira sebagai menyalahi undang-undang buruh.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah bin Majid): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ordinan Pekerjaan yang berkuatkuasa sekarang, tiap-tiap pekerja hendaklah diberi cuti bergaji pada 5 hari cuti am yang diwartakan (Gazetted Public Holidays). Tiga dari hari-hari cuti am tersebut, hendaklah hari cuti am kebangsaan atau hari cuti Negeri. Walau bagaimanapun hari-hari cuti am ini boleh digantikan dengan hari-hari cuti am yang lain, dengan persetujuan di antara pihak majikan dan pekerja-pekerja yang terlibat. Jadi tidaklah salah amalan ini dari segi undang-undang.

SARIKATA BAHASA MALAYSIA DI PANGGUNG WAYANG

23. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar arahan supaya semua gambar asing (mengguna bahasa bukan bahasa Malaysia) yang hendak ditayang di panggung wayang gambar mesti menggunakan sarikata Bahasa Malaysia mulai 31hb Ogos, 1976, itu akan ditarik balik.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara ini akan ditetapkan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sarikata Bahasa Malaysia tersebut, baru-baru ini di dalam akhbar menyatakan bahawa M.C.A. Selangor akan mengambil tindakan mahkamah kepada Yang Berhormat Menteri, jika arahan tersebut diteruskan juga, adakah Yang Berhormat Menteri membaca berita tersebut?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, berita itu telah kita baca.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa sebelum arahan ini dibuat, adakah perundingan dibuat dengan pihak-pihak yang akan terlibat atau peraturan ini dibuat dengan sewenang-wenangnya oleh pihak Kementerian sendiri tanpa apa-apa perundingan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak dengan sewenang-wenangnya, tetapi telah berbicara dengan orang yang berkenaan pada 8hb Jun, 1976.

BEKALAN MAKANAN KEPADA TENTERA

24. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau boleh beritahu kepada Dewan pendapatan dan keputusan pihak yang berkenaan atas penyiasatan ke atas bekalan-bekalan makanan yang busuk kepada Anggota-anggota Tentera yang baru-baru ini jadi satu perhatian penting oleh Timbalan Menteri Pertahanan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab pada soalan yang agak sama pada 7hb Julai, 1976 dan lain-lain hari yang sudah. Saya harap Ahli Yang Berhormat tidak keberatan untuk menggunakan Penyata Rasmi Parlimen untuk rujukan.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua

lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang ber-satu padu, aman-damai, saksama, maju dan kukuh. (27hb Julai, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di-jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

3.33 *ptg.*

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, semenjak usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga dikemukakan dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19hb Julai, 1976 yang lalu, banyak pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah disampaikan oleh beberapa Ahli-ahli Dewan terhadap Kementerian ini. Izinkanlah saya untuk memberi sedikit ulasan dan jawapan kepada beberapa pandangan dan teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sambil memberikan sedikit gambaran yang lebih jelas tentang aktiviti dan kegiatan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian saya khususnya yang ada kaitannya dengan soal-soal pembangunan tanah.

Sebagaimana yang dapat dilihat dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga, melalui agensi pembangunan tanah yang terbesar di bawah Kementerian ini ialah FELDA seluas 350,000 ekar tanah akan dibuka dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ketiga. Keluasan ini adalah merupakan tambahan kepada 412,000 ekar yang dibuka di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Secara umumnya matlamat pembangunan tanah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah kira-kira sejuta ekar yang akan dilaksanakan oleh FELDA, FELCRA, RISDA, Ajensi-ajensi negeri serta usahasama dan sektor swasta. Berhubung dengan Kemajuan Wilayah adalah dijangka sebuah lagi dapat ditubuhkan di Kelantan Selatan yang luasnya lebih dari sejuta ekar. Sebuah Jawatankuasa bersama telah ditubuhkan bagi mengkajinya.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA dalam kegiatannya di samping menanam getah dan kelapa sawit, akan juga bertanggungjawab untuk memulakan usaha memperbagaikan tanaman secara besar-besaran, seperti tebu

dan koko serta menggalakkan kegiatan-kegiatan tambahan di ladang. Pembangunan sosial dan infrastruktur atau pasaran akan juga dipergiatkan. Pengambilan peserta akan dapat dipesatkan dengan tertubuhnya unit-unit khas di Jabatan Kerja Raya untuk pembangunan tanah yang dapat menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dengan segera bila diperlukan.

Program FELCRA pula adalah meliputi pembukaan tanah Rancangan Tanah Belia seluas 25,000 ekar dan tanah pinggir seluas 25,000 ekar lagi. Usaha FELCRA juga termasuklah pemulihan tanah seluas 75,000 ekar dari jumlah keluasan rancangan-rancangan yang gagal di bawah anjuran Kerajaan Negeri pada masa yang lampau. Untuk merangka program-program yang berkenaan bagi mengatasi masalah keluasan tanah yang tidak ekonomik, satu penyiasatan sosio-ekonomi sedang dijalankan di bawah Rancangan Kemubu untuk menilai kemungkinan beberapa cara yang boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mustahak juga saya menyentuh sedikit mengenai kemajuan atau Pembangunan Wilayah. Konsep Pembangunan Wilayah adalah bertujuan membangunkan negeri-negeri yang kurang maju bagi meninggikan pendapatan per kapita di negeri-negeri yang kurang maju, melalui usaha-usaha pembangunan tanah, industri pertanian, perternakan, usaha kayu-kayan, perlombongan dan lain-lain lagi di mana ada kemungkinan.

Pelan Induk untuk Pembangunan Wilayah bagi Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Johor Tenggara telah disiapkan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Pelan-pelan Induk Pahang Tenggara dan Johor Tenggara mementingkan pembangunan di kawasan-kawasan yang kaya dengan sumber-sumber alam yang belum dimajukan yang dapat menyediakan peluang-peluang untuk kemajuan pertanian dan perusahaan berasaskan bahan-bahan perhutanan, sementara di Trengganu Tengah pula antara lainnya mengesan peluang-peluang untuk pembangunan semula atau pembangunan selanjutnya di kawasan-kawasan yang telah dimajukan tetapi masih mempunyai peluang untuk perkembangan bandar, pembangunan perusahaan, pertanian yang lebih intensif dan pembangunan sumber semula jadi yang baru. Selain dari itu projek-projek kemajuan tanah

di Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah, di samping memajukan negeri-negeri tersebut akan juga mengadakan peluang untuk golongan miskin dari negeri-negeri lain.

Dengan tujuan bagi mencapai objektif dan menampung segala kegiatan pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kementerian saya telah diperuntukkan sebanyak \$2,009.689 juta. Angka ini tidak termasuk peruntukan bagi RISDA, tetapi dengan diambil kira sama peruntukan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri. Jika dipecahkan angka-angka ini akan dapat dibaca seperti berikut:

	Juta	
(i) FELDA	\$985.016	
(ii) FELCRA	85.494	
(iii) DARA	142.154	
(iv) KEJORA	85.434	
(v) Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ...	63.486	
(vi) Jengka Tiga Segi ...	96.202	
(vii) Lembaga Kemajuan Tanah Negeri	497.123	
(viii) Rancangan Tanah Belia	50.777	
(ix) Ladang Awam	47.000	juta (tetapi peruntukan ladang awam ini tidak termasuk kiraan)

Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang saya berikan ini, saya rasa akan dapat memberikan penjelasan secara tidak langsung kepada beberapa teguran dan pertanyaan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum ini berkenaan dengan Kementerian saya. Walau bagaimanapun, rasa saya perlu juga saya memberikan penjelasan kepada beberapa pandangan dan teguran terhadap Kementerian saya supaya mudah-mudahan dapatlah dihilangkan keraguan dan kesamaran.

Reformasi Tanah

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Telok Anson ada menyentuh mengenai Reformasi Tanah. Ahli Yang Berhormat dari Arau mencadangkan supaya diadakan Rancangan-rancangan Tanah bagi petani-petani untuk tanaman

padi sebagaimana yang diadakan oleh FELDA dan FELCRA bagi getah dan kelapa sawit.

Sebenarnya konsep Reformasi Tanah itu telahpun lama diketengahkan dan usaha-usaha pada peringkat kajilidik masih lagi diteruskan sebelum program Reformasi Tanah dilancarkan kerana memandangkan implikasi dari segi sosio-ekonomi dan politik. Walaupun begitu rancangan untuk memajukan petani-petani di kawasan penanaman padi telah ada tersebut di perenggan 171 di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan akan memperluaskan lagi kawasan-kawasan padi dua musim melalui pelaksanaan projek parit dan taliair untuk membolehkan penanam-penanam padi semusim menerima pendapatan yang lebih tinggi lagi. Di kawasan-kawasan di mana usaha ini tidak begitu sesuai, tanaman luar musim yang menguntungkan akan digalakkan. Tanaman-tanaman ini termasuklah tembakau, kacang tanah, kacang soya dan sayur-sayuran. Selain dari usaha-usaha untuk menggunakan kawasan padi dengan sepenuhnya, perhatian juga akan diberi untuk menambahkan pengeluaran padi. Untuk maksud ini jenis-jenis padi yang mengeluarkan hasil yang tinggi akan ditanam dengan cara besar-besaran. Di samping itu, penggunaan baja akan digalakkan. Perhatian akan juga diberi terhadap usaha-usaha untuk mengurangkan kerugian akibat pembaziran hasil tanaman semasa menuai.

Mengenai Kampung Contoh seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, FELCRA tidak lama lagi akan melaksanakan Projek Tanaman Padi di kawasan seluas 1,000 ekar di Seberang Perak untuk bekas-bekas perajurit. Rancangan seumpama ini melibatkan penempatan peneroka-peneroka dan bolehlah dikatakan bahawa projek seumpama itu merupakan Kampung Contoh ala FELCRA.

Berhubung dengan pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Telok Anson, saya suka menghuraikan bahawa tujuan untuk mengadakan Reformasi Tanah bukanlah untuk memberi tanah kepada rakyat yang tiada bertanah sahaja, tetapi juga ialah untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani bagi mengusahakan tanah-tanah mereka. Kerap kali masalah timbul kerana petani-petani itu tidak mempunyai keluasan yang ekonomik (economic size of holding). Dalam

hal ini terpaksa setengah daripada petani-petani itu dipindahkan ke tempat-tempat lain seperti di tanah-tanah Rancangan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kriteria pemilihan peserta akan mengutamakan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dan mereka yang mempunyai keluasan tanah yang tidak ekonomik, tanpa mengira tempat kediaman mereka sekarang. Bagi negeri-negeri kurang maju seperti Kedah, Kelantan dan Perlis yang tidak mempunyai kawasan sesuai untuk sekim-sekim pembangunan tanah baru, petani-petani yang miskin akan digalakkan berpindah ke sekim-sekim yang dimajukan di negeri-negeri yang mempunyai banyak tanah, dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Mengenai hakmilik tanah telah dinyatakan di perenggan 962 Buku Rancangan Malaysia Ketiga bahawa keluasan kebun setiap peserta dalam sekim-sekim pembangunan tanah baru oleh sektor awam akan terus dikaji untuk menentukan supaya program ini dapat memberi faedah kepada lebih ramai penduduk yang tidak mempunyai tanah atau kepada mereka yang mempunyai keluasan tanah yang tidak ekonomik.

Akta Penanam Padi

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyentuhkan kononnya petani-petani yang menyewa tanah bendang adalah sangat miskin dibandingkan dengan tuan-tuan tanah. Walaupun mereka terpaksa membayar 30% dari pendapatan sebagai sewa, mereka terpaksa membayar sewa ini kalau tidak mereka akan kebuluran. "Akta Penanam Padi yang ada belum lagi dikuatkuasa" demikian kata Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka lah menegaskan di sini bahawa tidaklah benar seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Peme-gangan) 1967 masih belum dikuatkuasakan. Sehingga bulan Jun 1967 sebanyak tujuh buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Trengganu, Kelantan dan Pulau Pinang telahpun menguatkuasakan Akta tersebut. Bagi negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang, Akta ini masih belum

diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing dan oleh itu ianya tidak boleh dikuatkuasakan. Adalah diperhatikan juga bahawa di negeri-negeri yang tersebut kawasan tanah padinya tidaklah begitu luas jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang telahpun melaksanakannya.

Berkenaan dengan kenyataan bahawa penyewa-penyewa tanah padi adalah lebih miskin daripada tuan tanah, kenyataan ini adalah benar kerana jika tidak, masakan mereka menyewa tanah orang lain. Sebab itu Jadual Kedua Akta Penanam Padi telah menetapkan sewa maksima yang boleh dikenakan kepada penyewa berdasarkan kelas-kelas tanah adalah seperti berikut:

Tanah Padi Kelas I ...	140 gantang
Tanah Padi Kelas II ...	115 gantang
Tanah Padi Kelas III ...	70 gantang

Bagi mengelaskan tanah padi ini adalah ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Oleh hal yang demikian, ada kemungkinan terdapat peratus jumlah sewa berbeza jika dibandingkan dengan pengeluaran. Sewaan sebanyak 30% itu sebenarnya cuma bagi tanaman padi musim kedua sahaja.

Pentadbiran Tanah

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Alor Setar dan Kota Melaka ada membangkitkan masalah hakmilik tanah di Kampung Baru. Mengenai soal ini, suka lah saya menerangkan bahawa tanah-tanah di kawasan Kampung-kampung Baru telahpun banyak dikeluarkan hakmilik sejak beberapa tahun yang lampau dan sejak tahun 1971 tindakan mengeluarkan hakmilik ini telahpun berjalan dengan lancar dan pesat. Penduduk-penduduk di dalam kawasan Kampung-kampung Baru juga telah digesa untuk memohon hakmilik bagi tanah-tanah tapak kediaman dan kedai mereka. Melainkan permohonan-permohonan bagi tanah-tanah yang mempunyai masalah sahaja setakat ini yang belum diselesaikan. Setakat ini, lebih kurang 70% daripada tanah-tanah di kawasan-kawasan Kampung Baru telahpun mempunyai hakmilik. Di antara perkara-perkara yang menyulitkan

dan dianggap sebagai penghalang kepada kelancaran tindakan pengeluaran hakmilik ini ialah seperti berikut:

- (i) Masih ada penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru yang masih belum mengemukakan permohonan supaya tanah-tanah tersebut diberi milik kepada mereka;
- (ii) Mereka yang telahpun mempunyai A/A ada juga yang masih belum memohon supaya A/A tersebut ditukarkan kepada Q.T.;
- (iii) Terdapat Kampung-kampung Baru yang diduduki oleh mereka yang bukan Melayu di dalam kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Simpanan Melayu. Kawasan-kawasan yang seperti ini mengikut undang-undang, tidak dapat dikeluarkan kepada mereka;
- (iv) Sungguhpun telah diputuskan oleh Majlis Tindakan Negara supaya hakmilik lot-lot tanah Kampung-kampung Baru diberi mengikut keadaan pendudukan (according to occupation), dari segi amali ini terpaksa dihalusi dan disusun dengan baik. Keadaan mengikut pendudukan adalah sering berkecamuk—misalnya, ada lot yang sangat kecil berukuran 20'×30'; ada terdapat dapur bertemu dengan jamban orang lain; banyak yang tidak mempunyai rizab jalan (access reserve) dan sebagainya. Pada zahirnya, keadaan seperti ini telah memberi gambaran yang buruk kepada kawasan-kawasan tersebut dan jika dikekalkan akan menjadi bertambah buruk lagi. Keadaan ini perlu diatasi dahulu sebelum pertimbangan untuk mengeluarkan hakmilik diteruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Star, Ahli Yang Berhormat dari Pekan dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh mengenai kelemahan pentadbiran tanah. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa pihak Kerajaan memang sedar mengenai kesulitan pentadbiran ini. Kesulitan pentadbiran yang dianggap utama sekali ialah masalah kekurangan kakitangan secara umumnya dan yang menyulitkan sekali ialah kekurangan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman. Sekarang ini latihan untuk Kakitangan Kerajaan sedang dipergiatkan dan adalah diharap matlamat untuk melahirkan kakitangan-kakitangan Kerajaan

yang terlatih dapat dicapai di dalam masa sesingkat-singkatnya dan juga, pada waktu dan ketika yang sama, mereka yang terlatih ini akan digunakan sepenuhnya untuk perkara-perkara yang ada kaitan dengan latihan yang telah mereka perolehi.

Di samping itu Kerajaan adalah sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif untuk mempercepatkan dan memperbaiki proses pentadbiran tanah. Usaha-usaha ini adalah ditumpukan kepada cara-cara meminta pertimbangan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya organisasi pejabat-pejabat tanah diperbaiki dengan menambah pegawai, memberi latihan yang berkesan kepada mereka, mengawas kerja-kerja mereka dan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi mereka. Kementerian saya dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan negara akan membuat kajian secara langsung mengenai masalah-masalah ini di pejabat-pejabat tanah yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah menyentuh mengenai kesulitan orang desa membayar cukai tanah. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi maklumat yang khusus berkaitan dengan kesulitan dalam membayar cukai tanah oleh orang-orang desa itu, maka saya tidaklah dapat memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu bermaksud bahawa kesulitan-kesulitan ini adalah untuk membayar cukai tanah pada tiap-tiap akhir tempoh tahunan yang ditetapkan oleh Negeri-negeri, maka ini tidaklah dapat dielakkan kerana keupayaan kakitangan yang ada disediakan adalah terhadap. Bagaimanapun telah menjadi kelaziman bagi pegawai-pegawai di bahagian hasil bekerja lebih masa di masa-masa yang begini. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya ada kerjasama dari orang ramai agar datang menjelaskan cukai-cukai tanah mereka lebih awal lagi dan tidak menunggu sehingga akhir tempoh. Oleh kerana pungutan cukai adalah satu bidang yang khusus, dan rumit, maka kerja-kerja ini sekiranya dibuat oleh sebarang kakitangan lain mungkin akan melibatkan masalah-masalah yang lain pula.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak dalam ucapannya telah menyeru supaya Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada petani-petani sesudah tanah-tanah itu diberi kepada mereka. Dalam perkara ini pihak

Kerajaan Negeri-negeri melalui Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri-negeri yang tertentu, Lembaga Kemajuan Pertanian Negeri, RISDA dan lain-lain ejensi Kerajaan Negeri memang ada memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dari Alor Star, adalah dimaklumkan bahawa memang menjadi dasar Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membuka tanah-tanah baru. Pembukaan tanah baru akan terus menjadi alat utama Kerajaan mengarahkan perkembangan dalam bidang pertanian. Di Semenanjung Malaysia kira-kira 6 juta ekar tanah yang sesuai bagi pertanian masih dapat dimajukan iaitu setelah ditolak keperluan bagi pemeliharaan hutan dan ekoloji. Di Sabah kira-kira 5.3 juta ekar adalah sesuai bagi pertanian, akan tetapi hanya 0.9 juta ekar sahaja baru digunakan untuk tanaman. Di Sarawak pula kira-kira 13.1 juta ekar adalah sesuai bagi pertanian.

Kerajaan bercadang hendak membuka banyak lagi rancangan-rancangan tanah, sehingga tahun 1990 seluas 4,296 juta ekar lagi akan dibuka bagi tanaman-tanaman kelapa sawit, getah dan tanaman-tanaman lain. Golongan miskin akan diberi keutamaan bagi mendapat pekerjaan yang lebih produktif di projek-projek Kemajuan Tanah yang dijalankan oleh ejensi-ejensi Kerajaan Pusat di negeri-negeri yang banyak tanah.

Rancangan tanah itu dibuka kepada semua orang-orang miskin tidak mengira apa bangsanya. Peluang menyertai tanah-tanah rancangan itu terbuka kepada penduduk-penduduk miskin di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar. Terpulanglah kepada mereka untuk membuat permohonan-nya dan terpulang juga kepada keputusan temuduganya.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah juga membangkitkan masalah tanah-tanah yang terbiar ataupun tanah yang tidak dapat mengeluarkan hasil. Kedua-dua masalah ini tetap mendapat perhatian Kerajaan, melalui Kementerian Pertanian dan ejensi-ejensi Kerajaan langkah-langkah yang berkesan akan diambil.

Pembangunan Tanah

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyeru supaya rancangan-rancangan FELDA diperluaskan memandangkan kejayaan telah dicapai sehingga ini dalam menolong mereka yang tidak berkemampuan membeli tanah. Memanglah menyedari hakikat inilah di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga seperti kata saya tadi matlamat pembukaan tanah 350,000 ekar telah ditetapkan dan FELDA akan membuka semuanya, insya Allah. Selain daripada itu 1 juta ekar akan dibuka di bawah berbagai-bagai ejensi. Angka 350,000 ekar itu adalah merupakan jumlah keluasan yang terbesar sekali iaitu 35% jika dibandingkan dengan keluasan bagi jenis-jenis rancangan tanah yang lain. Peruntukan bagi memajukan kawasan FELDA ini pula ialah \$985.02 juta, iaitu hampir separuh daripada jumlah peruntukan kesemua rancangan-rancangan pembangunan tanah yang berjumlah \$2,009.689 juta.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Mantin dan Padang Serai menyentuh tentang perlunya dipergiatkan lagi penyertaan kaum bukan Bumiputra di rancangan-rancangan FELDA. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan warganegara Malaysia dari semua kaum terutama sekali yang berlatarbelakangkan pertanian; yang tidak mempunyai tanah; yang berumur antara 18-35 tahun bagi orang awam—atau tidak lebih daripada 40 tahun bagi bekas-bekas perajurit; yang mempunyai bilangan keluarga yang ramai serta sihat tubuh badan untuk menjadi peserta-peserta di rancangan FELDA. Bagi menjayakan dasar dan hasrat ini, Kerajaan tidak mengenakan apa-apa sekatan kepada mana-mana kaum sekalipun. Dengan kata yang lain, FELDA adalah terbuka kepada semua kaum iaitu bergantung kepada permohonan yang diterima dan Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan qota ataupun nisbah mengikut kaum.

Mengenai pengambilan peserta-peserta daripada negeri-negeri lain ke rancangan-rancangan tanah di negeri-negeri tertentu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan Payang, bagi rancangan FELDA misalnya, soal ini tidaklah timbul kerana semua negeri membuka pintunya kepada rakyat di negeri-negeri lain untuk menyertai rancangan tersebut cuma bergantung kepada banyak sedikitnya sahaja. Dalam aspek pembangunan wilayah

pula, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dasar-dasar pemilihan peserta bagi sekim kemajuan tanah di negeri-negeri seperti Pahang, Johor dan Trengganu, pemohon-pemohon daripada negeri-negeri lain juga akan ditimbang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Panting telah mengesyorkan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa atau Suruhanjaya bagi mengkaji perancangan FELDA. Bagi menjawabnya, sukalah dinyatakan bahawa FELDA sentiasa mengamalkan pendekatan yang praktikal dan pragmatik terhadap perancangan. Hakikat bahawa FELDA melaksanakan berbagai-bagai aktiviti pada sesuatu masa membuktikan yang FELDA mengambil perhatian terhadap masalah penyelarasan dan pendekatan yang diintegrasikan dalam perancangannya. Tidaklah syak lagi bahawa seseorang itu tidak dapat menjangka semua masalah-masalah yang akan timbul dan justru itu apa-apa masalah yang berbangkit pastilah dicari jalan bagi mengatasinya secara pragmatik dan pada bila-bila masa ianya timbul. Berhubung dengan kemudahan-kemudahan prasarana (infrastruktur) seperti sekolah, jalanraya dan bekalan air di Rancangan-rancangan FELDA, peruntukan memang disediakan untuk tujuan-tujuan tersebut menerusi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Gaya telah menyeru supaya tanah yang lebih dibuka di Negeri Sabah. Sukalah saya jelaskan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan bercadang membuka dan membangunkan seluas 70,000 ekar tanah di Sabah dan seluas 70,000 ekar lagi tanah di Sarawak sebagai program-program ejensi-ejensi Kerajaan Negeri dan seluas 30,000 ekar di Sabah dan 30,000 ekar di Sarawak sebagai program sektor swasta atau usaha bersama di antara ejensi Kerajaan dan sektor swasta.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Ahli Yang Berhormat dari Semerah juga telah menyentuh tentang aktiviti FELCRA supaya usaha-usaha pemuliharaan dan penyatuan tanah hendaklah diperhebatkan. Usaha ini memanglah sedang dan akan dilaksanakan di mana sehingga ini FELCRA, telahpun memulihkan 27 buah rancangan seluas 23,885 ekar di Semenanjung Malaysia yang memberi faedah kepada 3,786 orang keluarga petani. FELCRA akan memulihkan lagi seluas 7,500 ekar tanah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam usaha

penyatuan tanah, FELCRA telahpun menamatkan satu kajilidik (kaji selidik) sosio-ekonomi di Rancangan Kemubu, Kelantan yang akan menentukan beberapa alternatif di dalam usaha penyatuan tanah itu. Adalah dijangka satu laporan lengkap mengenai alternatif usaha penyatuan ini akan dapat disiapkan oleh FELCRA sebelum penghujung tahun ini. Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Padang Terap itu supaya FELCRA memberikan subsidi, pinjaman wang dan alat-alat moden seperti trektor kepada petani-petani, perkara-perkara ini tidaklah termasuk dalam bidangkuasa ataupun tugas FELCRA.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah merayu Kerajaan supaya membuka lebih Rancangan Tanah Belia. Di sini saya suka menegaskan bahawa Kerajaan sememangnya merancang untuk meluaskan lagi pembukaan Rancangan Tanah Belia melalui ejensi Kerajaan Persekutuan iaitu FELCRA dan melalui ejensi-ejensi Kerajaan Negeri yang berkenaan iaitu seperti Jabatan Tanah dan Galian iaitu di Negeri Johor dan Selangor; Jabatan Pertanian iaitu di Negeri Perak, Negeri Sembilan dan Sarawak, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian bagi Negeri Pahang dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan bagi Negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, FELCRA akan membuka seluas 25,000 ekar tanah bagi Rancangan Tanah Belia. Kerajaan-kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pula akan membuka seluas 20,000 ekar tanah dan keluasan itu termasuklah Rancangan Tanah Belia. Sementara itu peruntukan telah disediakan bagi Rancangan Tanah Belia sebanyak \$50.077 juta.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Pekan merayu supaya pembinaan-pembinaan infrastruktur dipercepatkan di dalam kawasan Pahang Tenggara (DARA). Dalam perkara ini adalah dimaklumkan bahawa satu unit khas Jabatan Kerja Raya telah sedia ada di kawasan tersebut dengan tujuan supaya pembinaan infrastruktur terutamanya jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan dapat berjalan dengan lancar. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah menyediakan peruntukan kira-kira \$8.7 juta bagi bekalan elektrik, \$33 juta bagi bekalan air dan \$60 juta untuk

perumahan di kawasan Pahang Tenggara sahaja. Maka dengan ini adalah diharapkan semua kemudahan-kemudahan infrastruktur itu dapat disediakan di kawasan tersebut di dalam tempoh yang dijangkakan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pula telah menyeru supaya lebih banyak lagi tanah diperuntukkan kepada FELDA di Kawasan Trengganu Tengah. Sebenarnya sehingga 31hb Mei, 1976 jumlah luas tanah yang dimajukan di Negeri Trengganu ialah 51,383 ekar dan daripada jumlah ini 38,923 ekar iaitu 76% terletak di Kawasan Trengganu Tengah. Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, FELDA akan menambah lagi seluas 37,061 ekar di Kawasan Trengganu Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan dan penerangan saya.

3.50 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu sukacita menyampaikan penghargaan saya kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pendapat-pendapat serta pandangan-pandangan tentang tugas dan kegiatan-kegiatan Kementerian saya semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga. Sebagai penjelasan sukacita saya menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi telah membangkitkan keadaan keselamatan di negara ini yang menjadi tandatanya kepada para pelabur. Suka saya menegaskan di sini bahawa keadaan keselamatan di negara ini adalah pada masa ini terkawal dan diawasi oleh pihak Kerajaan. Untuk membetulkan anggapan yang tidak benar, maka Kementerian saya akan menghantar satu rombongan ke luar negeri rombongan menggalakkan pelaburan dalam mana satu daripada perkara yang akan diterangkan dengan sejelas-jelasnya ialah berkenaan dengan kedudukan keselamatan dengan tujuan supaya menghapuskan kebimbangan yang mungkin ada di kalangan pelabur-pelabur asing untuk melabur modal di sini oleh kerana kedudukan keselamatan.

Dasar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam menggalakkan pelaburan adalah terkandung dalam Akta Galakan Pelaburan 1968. Galakan-galakan yang di-

berikan kepada pihak-pihak pelabur adalah banyak, seperti pelepasan cukai pendapatan sehingga 10 tahun, perlindungan tarif, pengecualian cukai impot ke atas jentera-jentera atau mesin-mesin, dasar pertukaran wang asing yang agak bebas dan sebagainya. Dalam masa Rancangan Malaysia Kedua daripada 1971 hingga 1975 sebanyak 2,098 projek-projek perindustrian telah diluluskan di bawah Akta ini. Akta ini adalah mencukupi untuk menggalakkan perindustrian dan tidak perlu rasa saya bagi mengadakan satu dasar yang baru seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengkaji dari semasa ke semasa berkenaan dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda, Kedah telah memperkatakan mengenai modal asing yang dikatakan "stagnate" dalam masa dua tahun yang lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kekurangan modal asing dalam dua tahun tersebut adalah sebanyak 6.4%. Ini adalah disebabkan dalam tahun tersebut negara telah mengalami kemerosotan ekonomi disebabkan oleh recession. Tetapi dalam pada itu bukti ada menunjukkan bahawa keadaan ekonomi adalah bertambah baik dan kita menganggap bahawa modal yang akan ditanam daripada pihak asing dalam masa ke hadapan ini akan bertambah baik lagi.

Dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga ini beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara pembangunan perindustrian di luar bandar ataupun di kawasan yang kurang maju. Berhubung dengan ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan mempergiatkan usaha-usaha supaya lebih banyak lagi industri-industri ditempatkan di kawasan tersebut. Langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (a) memberi keutamaan di dalam meluluskan projek perindustrian yang akan ditempatkan di kawasan kurang maju;
- (b) mengkaji semula galakan cukai bagi projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut;
- (c) membesar atau mempergiatkan usaha Pejabat Wilayah FIDA yang ditubuhkan untuk membantu penumbuhan industri di kawasan kurang maju; dan

(d) membantu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri/Kerajaan Negeri untuk membuka kawasan-kawasan perusahaan di kawasan-kawasan kurang maju.

Ahli Yang Berhormat dari Payang telah membangkitkan berkenaan dengan perlonggaran syarat-syarat perjanjian projek usaha-bersama di kawasan kurang maju. Adalah dimaklumkan bahawa semua syarat-syarat yang dikenakan di dalam perjanjian-perjanjian usaha-bersama terpaksa diteliti terlebih dahulu oleh Kementerian untuk memastikan supaya syarat-syarat perjanjian tersebut tidak merugikan syarikat tempatan terutama sekali apabila Badan-badan Berkanun Kerajaan terlibat dalam projek-projek itu. Perkara-perkara penting yang harus dikaji dengan teliti ialah hal-hal mengenai bayaran royalti, tempoh perjanjian, bentuk pengurusan dan lain-lain fasal yang boleh merugikan syarikat tempatan yang berkenaan jikalau sekiranya perjanjian itu tidak diteliti dengan sebaik-baiknya. Pada lazimnya Kementerian saya membenarkan tempoh selama 5 tahun pada permulaannya dan kemudian dikaji semula untuk membolehkan kita mengkaji semula syarat-syarat perjanjian tersebut. Kementerian juga hendak memastikan supaya syarikat tempatan tidak terpaksa membayar royalti yang berlebihan yang boleh merugikan foreign exchange ataupun wang pertukaran luar negara kita.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Semerah untuk menubuhkan kilang-kilang perusahaan yang berasas sumber tempatan dan makanan, perkara ini sedang diberikan keutamaan di dalam usaha-usaha Kerajaan di dalam perkembangan perindustrian.

Atas perkara "transfer of technology" yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan, perkara ini adalah rumit sekali untuk dilaksanakan dalam masa yang singkat, sebab negara kita pada masa ini tidak mempunyai "technological base" atau asas teknologi yang luas kecuali dalam bidang-bidang yang tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, dalam semua perjanjian-perjanjian teknologi yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat perindustrian tempatan, Kementerian saya sedang memastikan supaya semua perjanjian mengandungi syarat di mana latihan-latihan akan diberikan kepada pegawai-pegawai tempatan dengan tujuan untuk

mengambil alih jawatan-jawatan teknikal yang dipegang oleh pegawai-pegawai da-gangan.

Satu lagi perkara yang sering dikemukakan di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga adalah perkara berkenaan kelambatan Kementerian memproses permohonan-permohonan untuk membina projek oleh sebab kata Ahli Yang Berhormat ada red tape dalam sistem pentadbiran. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya sangatlah sedar akan perlunya diambil keputusan yang cepat di atas projek yang dikemukakan oleh pengusaha-pengusaha perindustrian. Perkara mengenai proses penilaian dan kelulusan permohonan adalah sentiasa dikaji semula dari masa ke masa.

Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut dasar yang ada sekarang ini ditetapkan bahawa satu-satu permohonan itu mestilah kalau boleh diproses dalam masa satu bulan, kecuali kalau ada perkara-perkara penjelasan yang diminta dari pihak yang memohon itu yang perlu dikemukakan kepada Kementerian. Daripada penjelasan itu masih banyak lagi pertanyaan-pertanyaan yang perlu dibuat kepada pihak yang memohon supaya Kementerian memperolehi segala penjelasan yang diperlukan untuk dapat menyenangkan projek-projek itu diproses.

Saya perlu menjelaskan di sini, bagi membolehkan sesuatu tindakan segera diambil terhadap permohonan tersebut, pemohon-pemohon mestilah mengemukakan keterangan-keterangan yang lengkap dan mereka mestilah bersedia menghadiri sebarang perbincangan lanjut dengan pegawai-pegawai di Kementerian saya.

Selain dari itu saya sentiasa mengarahkan pegawai-pegawai saya supaya mengurangkan apa jua red tapes dan mempercepatkan usaha-usaha memajukan perindustrian di dalam semua bidang.

Saya berasa dukacita Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Renggam yang telah membahaskan Akta Penyelarasan Perindustrian dan mendakwa bahawa Akta ini telah menyekat penarikan penanam-penanam modal di Malaysia. Saya telah beberapa kali menegaskan bahawa Akta ini adalah bertujuan untuk mengemaskan lagi cara-cara Kerajaan menimbang dan meluluskan juga

mengawasi projek-projek perindustrian selaras dengan matlamat bagi memastikan perkembangan yang teratur di dalam sektor pengilangan dan selaras dengan dasar perindustrian negara, selain daripada memudahkan pengumpulan data-data mengenai perindustrian yang penting kerja-kerja perancangan.

Di samping itu sebelum Akta ini diadakan Kerajaan hanya mempunyai kuasa undang-undang kepada 10% sahaja pengilang kilang-kilang perindustrian yang terdapat di negara ini iaitu kilang-kilang yang mendapat berbagai galakan cukai yang dikuatkuasakan di bawah Akta Pelaburan 1968. Dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian ini lebih kurang 80% kilang-kilang perindustrian akan diletakkan di bawah kuasa undang-undang Kerajaan.

Akta ini akan dikuatkuasakan dengan adil dan kepada pengilang-pengilang yang wujud dan yang sedang menjalankan perusahaan mereka sekarang ini, mereka tidaklah perlu bimbang kerana lesen pengilang akan dikeluarkan secara automatik apabila mereka membuat permohonan. Lagi pun lesen yang dikeluarkan adalah cuma sekali sahaja dan tidak perlu diperbaharui tiap-tiap tahun. Oleh hal yang demikian, pelabur-pelabur tidak seharusnya merasa apa-apa keraguan dan kekuatiran dengan Akta ini.

Dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga ini ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan mengenai kekurangan penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Saya telah beberapa kali memberi makluman-makluman dan keterangan-keterangan di dalam Dewan ini mengenai penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan saya suka menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan telah dicapai dan pada masa ini adalah menggalakkan tetapi masih banyak yang perlu dimajukan lagi. Semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru, penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian semakin bertambah. Dalam tahun 1971 hanya 14 projek-projek Bumiputra yang dipunyai lebih daripada 50% oleh Bumiputra telah diluluskan. Angka ini telah meningkat kepada 24 dalam tahun 1972, 40 (1973), 57 (1974) dan 81 (1975), dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua berjumlah 216 projek-projek Bumiputra telah diluluskan. Equity yang dikhaskan untuk

Bumiputra berjumlah \$829.7 juta atau 29.7% daripada jumlah cadangan modal dibayar sebanyak \$2,791.2 juta.

Dalam bidang perdagangan pula telah ada ramai perubahan dengan adanya pertambahan Bumiputra-bumiputra mengedarkan beberapa jenis barang tertentu seumpamanya dalam perniagaan mengedar simen:

Jenis barang			1973	1974
Simin	...	...	3	16
Besi waja	...	...	29	53
Rokok	...	...	4	14
Motosikal	...	...	9	30

Dengan angka yang diterangkan di atas jelaslah menunjukkan pertambahan orang-orang Bumiputra dalam bidang perdagangan.

Dari segi pekerjaan pula, banyak kejayaan juga telah dicapai di semua peringkat pekerjaan. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar untuk menarik balik pengecualian cukai pada pengusaha-pengusaha yang tidak menggunakan pekerja-pekerja Bumiputra, ingin saya menyatakan bahawa salah satu tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya adalah dengan cara menarik balik apa-apa pengecualian yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha berkenaan ataupun menggantungkan lanjutan tempoh pengecualian cukai yang harus diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, sebelum tindakan dibuat, saya terlebih dahulu akan memastikan pengusaha-pengusaha tersebut ada membuktikan sengaja tidak mengambil pekerja-pekerja Bumiputra.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah juga membangkitkan berkenaan dengan pasaran saham dan pegangan-pegangan saham untuk Bumiputra dalam tempoh perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, sebanyak \$171.6 juta saham-saham telah dimiliki oleh orang-orang Bumiputra bagi projek-projek perindustrian yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh Kementerian saya.

Atas cadangan Yang Berhormat dari Ledang untuk mendirikan satu "Stock Exchange" bagi orang-orang Bumiputra perkara ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana masih terdapat masaalah asas yang belum dapat diatasi terutama sekali dari segi kemampuan Bumiputra untuk mengadakan modal-modal bagi mengadakan "Stock

Exchange” di samping sedikitnya bilangan syarikat-syarikat Bumiputra yang dapat disenaraikan di pasaran saham. Sekiranya keadaan telah berubah, ada kemungkinan Kerajaan akan menyemak kembali cadangan untuk mengadakan “Stock Exchange”.

Berhubung dengan peruntukan \$200 juta untuk membeli saham-saham Bumiputra seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan Ledang, saya memaklumkan bahawa Kerajaan pada masa ini sedang merancang tatacara yang bersesuaian di dalam mengendalikan peruntukan sebanyak \$200 juta ini untuk membeli saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputra dengan sempurnanya.

Atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Seremban bahawa ramai tycoon Melayu yang membolot saham-saham tersebut, ingin saya menyatakan bahawa pembelian saham adalah pada dasarnya bergantung kepada kemampuan modal seseorang itu. Kerajaan sedar dengan keadaan ini dan oleh hal yang demikian, tindakan telahpun diambil untuk membeli peluang yang sama kepada petani-petani, nelayan dan pekerja-pekerja untuk membeli saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputra dengan cara kompleks Kewangan MARA dan Unit Trust dan juga cadangan Kerajaan untuk mengadakan sekim “Employees Stock Ownership” kepada pekerja-pekerja.

Satu perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga adalah berhubung dengan kawalan mutu-mutu barang-barang keluaran tempatan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah dikenakan syarat untuk memastikan supaya barang-barang keluaran mereka hendaklah mencapai mutu yang diterima oleh Kementerian dengan kerjasama SIRIM. Kementerian ini telah melaksanakan syarat di atas di mana syarikat-syarikat yang berkenaan telah dikehendaki untuk mematuhi syarat tersebut dan pegawai-pegawai di Kementerian ini selalu mengadakan lawatan ke kilang-kilang untuk memastikan yang syarat-syarat tersebut dipatuhi. Sekiranya Kementerian menerima aduan-aduan daripada orang ramai terhadap barang-barang keluaran tempatan yang mutunya rendah, tindakan serta-merta akan

diambil terhadap syarikat yang berkenaan untuk memastikan mutu tersebut dapat diperbaiki.

Akhir sekali, ingin saya menyentuh mengenai perkara yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda mengenai kemerosotan pelancungan di Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran kita seperti Thailand, Pilipina dan Singapura. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut berasaskan kepada statistik yang ada di Kementerian ini, perusahaan pelancungan di Malaysia adalah tidak merosot. Jumlah ketibaan pelancungan secara purata pertambahan sebanyak 7% setahun dari tahun 1972 hinggalah tahun 1975. Adalah dianggarkan pula bahawa hasil kutipan pelancungan dari tahun-tahun tersebut telah juga bertambah di atas kadar purata pertumbuhan sebanyak 13.6%. Jelaslah daripada angka-angka tersebut perusahaan pelancungan negara kita tidak merosot malah adalah menunjukkan pertambahan secara sihat dari tahun ke tahun. Adalah diramalkan juga bahawa dalam jangka Rancangan Malaysia Ketiga ketibaan pelancung akan bertambah sebanyak 6%.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penerangan dan penjelasan daripada saya.

4.11 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas teguran dan komen yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seperti yang telah berkali-kali ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin kita, Kerajaan, khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa menjalankan tugas-tugas yang tertentu bagi menjamin keselamatan rakyat di negeri ini. Walaupun demikian tugas dan tanggungjawab keselamatan tidaklah boleh diserahkan semata-mata kepada Polis dan Tentara tetapi seluruh rakyat hendaklah bersama-sama memikul beban ini.

Saya tidaklah bercadang hendak menjawab satu persatu hujjah-hujjah yang dikemukakan kerana sebahagian besar daripadanya telahpun dijawab semasa menerusi jawapan-jawapan bertulis ataupun secara

nsan di sepanjang persidangan Dewan kali ini. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi Kementerian ini sentiasa berjaga-jaga terhadap tektik-tektik dan cara-cara yang dijalankan oleh pihak komunis serta anasir-anasir subversif dan anti-nasional yang sekarang ini sedang mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Dalam perkara ini Kerajaan telahpun mengambil perhatian yang berat dan mengadakan kawalan-kawalan yang rapi untuk mematahkan kegiatan-kegiatan anasir-anasir itu. Jabatan Polis telahpun dilengkapi dengan alat-alat senjata yang moden dan baru dan seterusnya bilangan keanggotaannya akan juga ditambah. Kawalan kemasukan pelawat-pelawat ke negeri ini juga telah diperketatkan oleh pihak Imigresen untuk tujuan yang sama. Kerajaan sendiri menyedari adanya sebahagian kecil orang-orang Melayu yang menjadi komunis dan bergerak di kawasan Malaysia/Thai tetapi mereka telah menganut ideologi itu semenjak zaman darurat dahulu dan jumlahnya adalah kecil sekali jika dibandingkan dengan keturunan yang lain.

Saya tidak dapat menerima anggapan bahawa orang-orang Melayu menjadi komunis disebabkan kemiskinan semata-mata. Seperti yang kita ketahui orang-orang kaya dan ahli-ahli professional juga ada menyertai gerakan komunis di negara kita. Ini menunjukkan bahawa pihak komunis sebenarnya berazam hendak menanamkan semangat serta ideologi komunis di kalangan orang-orang Malaysia dengan harapan untuk menjatuhkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Di sini sukalah saya bagi pihak Kementerian ini memberi jaminan bahawa kawalan keselamatan di seluruh Malaysia adalah mencukupi kerana di samping Pasukan-pasukan Polis dan Tentera, rakyat biasa juga telah melibatkan diri dan menunjukkan semangat yang kuat untuk mempertahankan negara ini dengan menyertai dalam aktiviti-aktiviti RELA. Jumlah rakyat biasa yang menyertai RELA adalah sangat menggalakkan dan mereka ini sanggup berkorban untuk kepentingan negara. Begitu juga di kawasan sempadan Malaysia/Thai, pihak Polis dan Tentera bertugas dengan rapi dan di setengah-setengah tempat pihak RELA menjadi pasukan tambahan kepada Pasukan Keselamatan demi menjaga keselamatan bagi penduduk-penduduk di negeri ini. Tugas terbaru RELA ialah untuk membina kubu-kubu (post) RELA di kawasan-kawasan sempadan

dan juga kawasan-kawasan sensitif dan di tempat-tempat lain pula, ahli-ahli RELA bertugas bersama-sama dengan Pasukan Keselamatan dan Polis untuk menghapuskan ancaman komunis.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan persoalan mengenai kelengkapan-kelengkapan dan menyatakan bahawa bot-bot Polis seperti di Sabah sudahpun uzur. Berhubung dengan perkara ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyedari bahawa bot-bot tersebut memang sudah uzur tetapi masih boleh dipakai lagi. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu Dewan bahawa peruntukan telahpun dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk bot-bot tersebut digantikan dengan bot-bot yang baru, bukan sahaja bagi keperluan di Sabah tetapi juga di seluruh Malaysia.

Berhubung dengan dakwaan tentang bertambahnya jumlah jenayah di seluruh negara, Kementerian ini memanglah mengambil berat sangat atas perkara ini. Selain daripada mengambil tindakan-tindakan yang positif untuk mengatasi perkara ini dengan memperbesar lagi jumlah Anggota Polis, beberapa langkah sedang diambil, termasuklah umpamanya menyedarkan rakyat jelata terhadap bahaya jenayah dan seterusnya mengharapkan kerjasama daripada mereka. Baru-baru ini satu langkah baru iaitu seminar berhubung dengan Commercial Security for Executive and Management yang dianjurkan oleh pihak swasta dan dihadiri sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang diadakan di Kuala Lumpur. Tujuan utamanya ialah untuk mencari jalan dan sumbangan mereka terhadap usaha Kerajaan hendak mengawal dan mengurangkan gerakan-gerakan jenayah dengan lebih berkesan lagi.

4.15 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberi sedikit-sebanyak penjelasan tentang beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian saya yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh mengenai Jabatan Cetak Kerajaan yang telah berumur 10 tahun dan

alat-alat mesinnya yang lama dan oleh sebab itu menyebabkan kelambatan dicetak Bil-bil untuk Ahli-ahli Dewan dan sebagaimana.

Untuk menjawab mengenai perkara ini suka saya menyatakan bahawa Jabatan Cetak Kerajaan mula-mula menggunakan bangunannya yang ada sekarang sangat lama dahulu sejak Pemerintahan Tentera British dan alat-alat mesinnya ada yang berumur 30 tahun dan 40 tahun. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan sedang diambil untuk membeli dan menukarkan mesin-mesin yang baru.

Bagi mengatasi kekurangan tempat ini, sebagai dasar jangka panjang, Jabatan ini telah mengkaji semula cadangannya yang asal dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu untuk membina sebuah Setor Kertas yang seluas 45,000 kaki persegi yang telah terbengkalai kepada satu bangunan yang luasnya 85,000 kaki persegi.

Mengenai latihan-latihan juru-juru teknik Jabatan Cetak Kerajaan ke luar negeri, Jabatan Cetak Kerajaan sememangnya ada menghantar pegawai-pegawainya ke luar negeri mahu pun bagi pegawai-pegawai kanan dan juga pegawai-pegawai rendahnya. 3 orang Pegawai dijangka akan kembali dalam bulan Ogos ini setelah berada di United Kingdom selama 2 tahun, 2 orang dijangka akan berlepas ke United Kingdom juga dalam bulan September dan seorang pegawai rendah akan berkursus di bawah Rancangan Colombo di Negeri Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam ada menyentuh mengenai masaalah kerumitan yang dihadapi oleh Penguasa Tempatan seperti pentadbiran Penguasa Tempatan yang tidak cekap, kekurangan kewangan dan Daerah Majlis Tempatan kecil dan sesak.

Memanglah benar yang kebanyakan penguasa tempatan sedang menghadapi masaalah-masaalah yang disebutkan oleh beliau. Dengan sebab itulah Kerajaan telah membuat satu dasar baru supaya dijalankan proses penyusunan semula Kerajaan Tempatan yang di antara lain bertujuan mengatasi masaalah-masaalah kerumitan yang tersebut.

Mengenai peruntukan yang lebih besar kepada penguasa-penguasa tempatan, sayugia saya terangkan di sini iaitu di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 semua pengusaha tempatan yang akan diwujudkan

di bawah Akta itu akan diberi kuasa-kuasa tambahan khususnya kuasa-kuasa untuk mengenakan bayaran lesen dan lain-lain ke atas semua jenis perniagaan, profesyen dan sebagainya. Tujuannya ialah untuk meluaskan sumber hasil penguasa-penguasa tempatan pada masa akan datang supaya dapat ditambahkan lagi pendapatannya. Tentang memberi peruntukan yang lebih besar oleh Kerajaan Pusat, soal ini sedang dalam timbangan Kerajaan Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ada menyentuh mengenai pelan-pelan untuk mendirikan rumah yang dikemukakan kepada Kerajaan Tempatan perlu diluluskan terlebih dahulu, khususnya di Lembaga Penguasa Kerajaan Tempatan Pulau Pinang.

Tentang pelan-pelan rumah yang hendak didirikan di kawasan luar bandar, sebenarnya beberapa penguasa tempatan telahpun menyediakan pelan-pelan standard yang dikenakan bayaran murah bagi kesenangan penduduk-penduduk luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang ada menyentuh mengenai pentadbiran Kerajaan Tempatan.

Sukalah saya menjawabnya iaitu adalah menjadi salah satu daripada matlamat-matlamat penyusunan semula Kerajaan-kerajaan Tempatan ini ialah supaya keseluruhan pentadbiran Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, lebih berkesan dan maju pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Kulai menyentuh mengenai apa yang dikatakannya janji Kerajaan Persekutuan untuk memberi grant kepada Majlis Tempatan Kulai.

Suka saya menyatakan bahawa saya tidak mengetahui janji sedemikian telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang terdahulu daripada saya. Apa yang telah difahamkan kepada saya ialah usaha akan dibuat untuk mencari jalan bagi memberi bantuan kewangan kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula untuk menampung sebarang kekurangan. Untuk tujuan ini sebuah Jawatankuasa Kewangan telah dilantik oleh Kabinet sedikit masa dahulu dan jawatankuasa ini telah sampai kepada peringkat terakhir dalam tugasnya dan akan menyediakan perakuan-perakuan bagi timbangan Kerajaan. Saya berharap dalam masa 2-3 bulan lagi saya akan

Cepat menerima perakuan-perakuan tersebut untuk dikemukakan bagi timbangan kabinet. Sebagai penguasa tempatan yang telah disusun semula, Majlis Daerah Kulai sudah tentu akan menerima bahagiannya daripada sebarang bantuan yang akan diperakuan oleh jawatankuasa tersebut sekiranya perakuan-perakuannya diterima kelak oleh Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Seberang Perai ada mengemukakan masaalah yang telah menimbulkan kepada masyarakat. Menurut penguasa tempatan telah menimbulkan masaalah kepada rakyat dan telah memberi contoh bagaimana penguasa tempatan Seberang Perai memerlukan jaminan bank sebanyak \$85,000 bagi membuat sebatang jalan sepanjang $\frac{1}{2}$ batu di kawasan perumahan yang terletak di kawasan perkampungan. Saya tidak berapa jelas dengan kenyataan ini samada jaminan bank itu diperlukan oleh penguasa tempatan itu ataupun oleh sesebuah bank itu sendiri. Walau bagaimanapun, saya sukacita hendak mendapat butir-butir yang lanjut untuk saya siasat.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah bertanya adakah pihak Kementerian Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan sedar tentang Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat di kawasan perumahan pangsa (murah) tidak menjalankan fungsinya kerana kekurangan kewangan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Rancangan Perhubungan Masyarakat bukanlah tanggungjawab Kementerian ini tetapi adalah tanggungjawab Lembaga Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Walaupun bagaimanapun, adalah tidak benar mengatakan bahawa Jawatankuasa Pertubuhan Masyarakat di kawasan perumahan pangsa tidak menjalankan fungsinya kerana kekurangan kewangan. Majlis Perhubungan Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Pertubuhan Masyarakat ini mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk Pertubuhan Masyarakat menjalankan kegiatan mereka. Peruntukan kewangan akan hanya diberi kepada Pertubuhan-pertubuhan Masyarakat berdasarkan kepada kegiatan yang dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada menyentuh mengenai kenaikan sewa rumah di Kuala Lumpur melambung

tinggi dan cadangan supaya Dewan Bandaraya membina rumah-rumah pangsa berharga murah serta mengadakan undang-undang kawalan sewa rumah.

Kenaikan sewa rumah adalah bergantung kepada faktor penawaran dan permintaan seperti yang sedia dimaklumi, bilangan rumah-rumah sewa di Kuala Lumpur adalah terlalu sedikit dibandingkan dengan permintaan yang terlalu banyak.

Dewan Bandaraya tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap pemilik-pemilik rumah persendirian yang mengenakan sewa yang tinggi kepada penyewa-penyewa mereka itu pada masa ini.

Untuk mengatasi masaalah sewa rumah, yang memberi kesan yang buruk kepada mereka yang berpendapatan rendah, Dewan Bandaraya telah membina banyak rumah-rumah pangsa berharga murah di Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya akan mengadakan lebih banyak lagi rancangan perumahan murah di masa yang akan datang khususnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Adalah menjadi hasrat Dewan Bandaraya untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah pangsa berharga murah. Dewan Bandaraya sedang menyiapkan 2 kawasan rumah pangsa yang akan dapat diduduki oleh orang ramai pada tahun hadapan.

Rumah-rumah tersebut ialah di Sentul Selatan yang terdiri dari 1 blok—17 tingkat yang mengandungi 256 unit dan di Jalan San Peng yang terdiri dari 3 blok—17 tingkat dan mengandungi 792 unit.

Bagi mengadakan undang-undang kawalan sewa rumah sebagaimana yang dicadangkan itu kawalan ini adalah tertakluk kepada persetujuan Jumaah Menteri. Kementerian saya akan mengkaji soal ini dengan sehabis-habis teliti pada masa yang akan datang dan di harap akan mengambil satu-satu tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ada menyentuh mengenai Perpustakaan Negara yang terletak di bawah Kementerian saya untuk menjimatkan perbelanjaan sewa. Kerajaan hendaklah melaksanakan rancangan bangunan Perpustakaan Negara yang telah diluluskan beberapa lama dahulu dengan seberapa segeranya. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa bagi tujuan menjimatkan perbelanjaan sewa serta membolehkan Perpustakaan Negara berfungsi dengan lebih berkesan lagi, Kerajaan baru-baru ini

telah memutuskan atas tapak tanah bagi Perpustakaan Negara, iaitu di simpang Jalan Pekeliling/Jalan Gurney, Kuala Lumpur. Kementerian saya akan mengadakan satu mesyuarat bagi semua pihak berkenaan pada 12hb Ogos 1976, supaya "layout plan" bagi tapak tanah Perpustakaan Negara boleh disediakan. Selepas itu, pelan-pelan bangunan baru akan disediakan dengan seberapa segera oleh juru akitek, Jabatan Kerja Raya yang telah disediakan pada awal tahun ini. Walaupun satu "token vote" sahaja telah diluluskan bagi bangunan baru Perpustakaan Negara dalam Rancangan Malaysia Ketiga, permohonan akan dibuat untuk jumlah peruntukan yang diperlukan sebaik sahaja pelan-pelan disiapkan. Adalah menjadi harapan Kementerian ini bahawa bangunan baru Perpustakaan Negara boleh dibina sebelum akhir Rancangan Malaysia Ketiga akan datang ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat tersebut juga telah menggesa supaya Kerajaan hendaklah juga memberi bantuan wang kepada Negeri-negeri untuk menubuhkan lebih banyak lagi Perpustakaan Awam dan memberi bantuan buku-buku kepada Perpustakaan-perpustakaan Awam.

Walaupun Perpustakaan Awam adalah perkara negeri, Kerajaan Pusat telah membuat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga untuk menggalakkan penubuhan Perpustakaan Awam pada peringkat negeri. Setakat ini bantuan kewangan telah diberi kepada lima buah negeri untuk memperolehi koleksi buku-buku asas, kelengkapan perpustakaan dan lain-lain lagi. Bantuan kewangan seperti ini akan diberi kepada negeri-negeri lain di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

4.28 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang berkenaan Kementerian Pertanian dasar Kementerian ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah:

- (i) Memodenkan dan memajukan pertanian iaitu termasuklah perikanan;
- (ii) Memperbaiki keadaan dan nasib hidup serta meninggikan pendapatan golongan petani dan nelayan; dan
- (iii) Memenuhi kehendak atau keperluan negara dari segi hasil ataupun pengeluaran pertanian, yakni termasuklah perikanan.

Dari segi dasar maka terdapatlah bahawa Ahli-ahli Dewan ini telah bersetuju di dalam perbahasan-perbahasan mereka itu dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Ulasan-ulasan, kritik-kritik dan lain-lain pandangan adalah berputar di sekitar perkara pelaksanaan sahaja, dan oleh kerana itu saya suka menjawab perbahasan tersebut secara mengumpulkan atau menggroupkan perkara-perkara yang disebutkan oleh mereka itu kepada beberapa perkara prinsip sahaja dan dengan ini tidaklah saya bercadang hendak menjawab satu persatu atas perkara-perkara pelaksanaan yang dibangkitkan itu.

Pertama sekali, saya suka menjelaskan di sini bahawa berkenaan dengan pengeluaran bahan-bahan makanan maka Kementerian Pertanian akan mengambil langkah dengan cara-cara memilih ataupun identify setelah mengkaji soal practical dan soal economic viability supaya kita dapat self-sufficient dalam bahan-bahan makanan. Langkah ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dan juga secara selectively, yakni dipilih-pilih.

Pertama sekali berkenaan dengan daging lembu. Sukalah saya menyatakan iaitu Semenanjung Malaysia sekarang ini telah 85% self-sufficient dalam perkara daging lembu, dan Semenanjung Malaysia mengimpot 15% daripada keperluannya terutama sekali daripada Australia dan New Zealand. Dengan lain-lain perkataan kira-kira 1,000 tan daging bekuan (frozen meat) kita impot terutama sekali daripada Australia dan New Zealand. Selain daripada itu kira-kira 3,000 ekor lembu dan kerbau kita impot daripada Thailand untuk disembelih di rumah-rumah sembelih tempatan. Berkenaan dengan ini, dasar Kerajaan ialah hendak mengeluarkan daging lembu secukupnya untuk keperluan negara kita.

Berkenaan dengan susu dan juga by-product yakni hasil-hasil yang terbit daripada susu seumpama mentega, pengeluaran kita cuma 5% sahaja dan 95% lagi kita impot. Jadi dari segi jumlahnya kita hanya mengeluarkan kira-kira 4 juta gelen setahun tetapi kita memerlukan 90 juta gelen. Jadi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian Pertanian akan berusaha supaya kita akan menjadi self-sufficient dalam perkara daging lembu dan susu serta by-productnya. Dalam hal ini beberapa langkah akan diambil. Dalam konteks Rancangan

Malaysia Ketiga, MAJUTERNAK akan mengimpot 12,500 ekor lembu untuk dibiakkan di dalam ladang-ladang MAJUTERNAK. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini juga MAJUTERNAK akan menambah ladangnya sebanyak enam buah lagi iaitu pertama di Tersad Dua di Kuala Brang, Trengganu; kedua di Padang Hijau, Peringkat II di Kluang, Johor; ketiga di Kelantan satu, yang tempatnya belum lagi diputuskan; keempat di Sungai Karabungan II, Sarawak; kelima di Kota Belut, Sabah yang keenam di Rancangan Pitlod (Pitlod Scheme) Kempas di Johor Bahru. Selain daripada itu Kementerian saya telah mengarahkan Jabatan yang berkenaan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 hadir)

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya mula hendak sebutkan tadi saya telah mengarahkan Jabatan Haiwan untuk cuba mengikhtikarkan mengimpot lembu-lembu baka untuk diberikan kepada petani-petani sebagai lembu pawah. Dengan demikian kita akan dapat cepat menambah supply lembu yang ada di dalam negeri kita ini.

Kemudian ada beberapa lagi, misalnya teh. Berkenaan dengan teh ini kita ada eksport dan kita ada impot, tetapi kita eksport cuma 1,160 paun sahaja dalam tahun 1974 tetapi kita mengimpot 4,179 paun. Kita merupakan negara nett importer teh, padahal kita boleh self-sufficient. Dalam bentuk duit kita terpaksa membelanjakan foreign exchange kita dalam tahun 1974 sebanyak \$2,866,000 lebih. Jadi kalau kita self-sufficient duit yang sebanyak itu dapat kita selamatkan sebagai foreign exchange.

Begitu juga dalam perkara kopi. Dalam perkara kopi kita ada eksport dan kita ada impot tetapi eksport kita berjumlah 1,805 tan dalam tahun 1974 sedangkan impot berjumlah 2,947 tan. Jadi dengan demikian dalam bentuk duit kita kehilangan foreign exchange dalam tahun 1974 dalam bentuk mengimpot kopi sebanyak \$7,671,600. Jadi kalau secara teratur kita berusaha ke arah self-sufficient maka banyak foreign exchange dapat kita selamatkan.

Begitu juga tentang lada kering. Dalam negara kita sekarang kita telah mendapati bahawa ada lada atau cili yang boleh dijadikan cili kering boleh kita tanam. Dalam tahun 1974 kita ada eksport lada kering ini yakni merupakan impot dan kemudian reexport dan kita mengimpot, tetapi jumlah kita impot itu sebanyak 5,521 tan, sedangkan yang kita eksport cuma 1,633 tan. Jadi dengan demikian kita kehilangan foreign exchange dalam tahun 1974 sebanyak \$5,061,000 lebih. Jadi Kementerian ini bercadang hendak mengusahakan supaya kita akan menjadi self-sufficient dalam lada ataupun cili kering.

Begitu juga kobes. Dahulu kita menanam jenis kobes tanah tinggi (highland cabbage). Sekarang ini kita sudah boleh menanam kobes tanah rendah (lowland cabbage). Dalam tahun 1974 kita ada impot dan kita juga ada eksport. Eksport kita hanya sebanyak 938 ton, sedangkan impot kita berjumlah 11,521 tan. Dari segi duit oleh kerana kita merupakan nett importer kobes ini sebanyak \$2,421,000 lebih. Jadi langkah Kementerian dalam perkara seumpama ini ialah pertama, kita akan mencapai seberapa cepat yang boleh dalam bidang Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya kita self-sufficient dalam perkara-perkara yang telah diidentifikasi seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan beras, saya fikir tidak payah disebutkan lagi. Dalam usaha kita hendak menjadi negara kita self-sufficient di dalam bekalan bahan-bahan makanan yang telah kita fikirkan praktikal ini, jika perlu Kementerian Pertanian akan berusaha untuk memperindungi perusahaan-perusahaan ataupun pertanian tersebut daripada persaingan ataupun perlawanan impot bahan-bahan tersebut daripada luar negeri.

Tentang bahan-bahan makanan yang lain maka penyelidikan akan dijalankan terus-menerus dan akan diidentifikasi dari semasa ke semasa di mana-mana yang kita boleh self-sufficient.

Tuan Yang di-Pertua, langkah pertama, matlamat pertama sebagaimana disebutkan tadi ialah self-sufficient dan selepas kita mencapai self-sufficient seberapa cepat yang boleh dan praktikal maka kita akan berusaha pula supaya kita akan menjadi negara pengeksport dalam bahan-bahan tersebut. Dalam hal ini berkenaan dengan koko misalnya, kita impot koko dan juga kita eksport.

Tetapi kita impot koko tahun 1974 sebanyak 2,519 tan sahaja tetapi kita telah mengeksport dalam tahun 1974 sebanyak 5,783 tan. Ertinya kita telah merupakan nett exporter tentang hal koko. Dengan demikian daripada kita kehilangan foreign exchange maka kita telah mendapat foreign exchange daripada eksport koko ini tadi dalam tahun 1974 sebanyak \$10,152,000. Jadi sebagaimana saya katakan tadi matlamat kita yang pertama ialah untuk self-sufficient dalam barang-barang yang telah kita identifiikan dan langkah kedua kita akan tujukan eksport yakni kita akan berusaha pula ke arah export rice.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat mengkeritik tentang kekurangan ataupun kurang betulnya perjalanan setengah-setengah projek. Jadi memanglah saya akui bahawa dalam setengah-setengah projek itu ada berlaku sedikit-sedikit kesilapan yang menyebabkan pelaksanaan adalah terjejas sedikit tetapi dalam banyak perkara projek itu nampaknya kurang pelaksanaan tetapi yang sebenarnya bukan kurang lancar perjalanan pelaksanaan itu, misalnya Rancangan Taliair MUDA. Rancangan ini dijadikan secara berperingkat-peringkat dan sehingga pada masa ini belum lagi semua peringkat rancangan MUDA itu lengkap berjalan. Oleh kerana itu terdapat juga di setengah-setengah tempat bekalan air belum sampai lagi. Jadi ertinya ataupun dengan lain-lain perkataan bagi banyak projek terutama sekali projek-projek yang besar-besar maka apa yang dapat kurang oleh sebab banyak daripada Ahli-ahli Berhormat ialah bukan kerana kesilapan atau kesalahan pelaksanaan projek itu tetapi adalah oleh kerana projek itu belum sempurna ataupun belum selesai dilaksanakan di segala-gala peringkat yang telah ditentukan mengikut rancangan. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat mana yang mendapati setengah-setengah projek itu ada terdapat kekurangan di sana sini terutama sekali projek-projek yang besar bukanlah oleh kerana kesalahan atau kesilapan tetapi oleh kerana pencapaian pelaksanaan projek-projek itu adalah berperingkat-peringkat dan akan sempurna apabila sampai masanya kelak. Banyak daripada projek-projek ini telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua dan ada pula yang lebih awal daripada itu. Tetapi bila tamat Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua, projek ini belum lagi selesai dilaksanakan.

Tentang masalaah kurangnya penyelarasan di dalam Kementerian Pertanian, oleh kerana Kementerian Pertanian ada banyak Jabatan-jabatan dan Badan-badan di bawahnya maka saya tidaklah hendak menafikan akan adanya kekurangan penyelarasan di antara Jabatan-jabatan dan Badan-badan di bawah Kementerian ini.

Saya sukaiah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa di peringkat Kementerian sememang ada sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Perancangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan anggota-anggotanya terdiri daripada Ketua tiap-tiap Jabatan dan Badan di bawah Kementerian Pertanian. Walaupun demikian saya sukaiah memberi jaminan kepada Dewan ini saya sendiri akan memastikan akan melihatkan bahawa penyelarasan di antara Jabatan-jabatan dan Badan yang berkenaan di bawah Kementerian Pertanian akan saya sendiri perhatikan dan betulkan sehingga dapat berjalan dengan lancar dan tidaklah menyulitkan pelaksanaan rancangan Kementerian ini pada keseluruhannya.

Berkenaan dengan perikanan pula, saya sukaiah mula-mula sekali menyentuh perkara perikanan, ikan air tawar. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga rancangan menternak ikan air tawar akan diperbanyakkan lagi. Dan di sini saya sukaiah menyebutkan bahawa Kementerian Pertanian sedang menimbangkan untuk mengadakan jentera-jentera bagi menggali kolam-kolam ikan. Pada masa yang telah lalu petani-petani kalau hendak mengadakan kolam ikan mereka terpaksaah menggali kolam itu sendiri dengan menyewa jentera-jentera daripada pihak swasta. Kalau sekiranya di satu-satu tempat itu kebetulan Jabatan Parit dan Taliair ada jentera dan ada kelapangan maka Jabatan Parit dan Taliair memberikanlah pertolongan menggali kolam-kolam tersebut. Saya dapati bahawa sistem cara begini tidak memuaskan kerana belanja menggali kolam ini terlalu besar dan dibuat sekali sahaja untuk satu-satu kolam itu. Jadi bagi petani itu tidak dapat mengadakan modal untuk menggali. Jadi saya bercadang supaya kita adakan jentera-jentera menggali di tiap-tiap buah negeri. Jentera-jentera ini bolehlah menolong petani-petani menggali kolam-kolam mereka. Dengan demikian dapatlah petani-petani berternak dengan tidak payah mengeluarkan modal yang begitu besar dan

Kerajaan dapat memberikan bantuan kepada petani-petani untuk berternak ikan air tawar dengan lebih banyak lagi pada masa hadapan.

Berkenaan dengan anak-anak ikan ini, memanglah kita ketahui bahawa Jabatan Perikanan memanglah memberikan anak-anak ikan untuk petani-petani berternak ikan. Jadi dengan demikian saya berharap langkah membanyakkan pengeluaran ikan air tawar dapat kita laksanakan seberapa cepat yang boleh.

Ada satu lagi masalah yang besar, bukanlah masalah baharu tetapi masalah yang telah banyak kali ditimbulkan di dalam Dewan ini iaitu masalah pasaran dan masalah harga yang tidak stabil dan tertumbang-ambing. Dalam hal ini kalau saya berjanji bahawa masalah pasaran ini akan diselesaikan terus-menerus yakni sekali gus (*settle once for all*) maka tentulah perkara ini tidak dapat dilaksanakan. Sebagaimana kita ketahui masalah pasaran dan harga ini bergantung kepada soal pengeluaran (*supply*) dan kehendak (*demand*). Kalau satu-satu benda itu banyak sangat yang dikeluarkan sedangkan yang diperlukan atau dikehendaki itu adalah sedikit maka pasarnya terganggu dan juga harganya jatuh. Sebaliknya pula kalau *supply* itu kurang sedangkan kehendak itu lebih maka harganya akan melambung naik. Jadi di sini ada dua perkara yang terlibat. Pertama, hasil-hasil yang kita eksport seumpama kelapa yang termasuk di bawah kelolaan Kementerian saya, lada hitam dan sebagainya yakni perkara-perkara yang kita eksport. Jadi perkara-perkara yang kita eksport ini Kerajaan Malaysia memanglah berusaha untuk mengadakan suatu skim iaitu *International Commodity Stabilization Scheme* yang sedang kita usahakan. Kalau sekiranya rancangan menstabilkan harga commodities ini tidak dapat kita jalankan di peringkat antarabangsa maka mustahil di dalam negeri dapat kita laksanakan. Ertinya mengikut sebagai contoh harga kelapa, kalau sekiranya rancangan antarabangsa ini tidak dapat berjalan maka mustahil di dalam negeri kita dapat menstabilkan harga kelapa. Ini melibatkan negara-negara luar yang kita eksport. Kita besarkan FAMA, adakan 10 FAMA, 100 FAMA sekali pun kalau sekiranya masalah international ini tidak dapat diselesaikan maka soalan harga barang-barang tersebut mustahil dapat diselesaikan di dalam negeri. Jadi, dalam hal ini Kerajaan

memanglah sedang berusaha supaya rancangan tersebut ini dapat dilaksanakan termasuk kelapa, getah, kelapa sawit, kacang soya, kacang tanah dan lain-lain lagi. Selain daripada yang saya telah sebutkan itu hasil-hasil yang kita gunakan atau consume di dalam negeri seumpama sayur-sayuran dan sebagainya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, pertama sekali saya suka menyatakan bahawa FAMA akan diperkemaskan dan diperkuatkan lagi supaya dapat memainkan peranannya yang lebih berkesan lagi.

Keduanya, pengeluaran barang-barang tersebut terutama sekali dalam kontek Buku Hijau peringkat yang kedua ini adalah dikoordinasikan atau diselenggarakan di tiap-tiap daerah supaya pengeluaran itu disesuaikan dengan kehendak atau demand yang ada. Dengan demikian, harga dapatlah terjamin, lebih stabil dan pasaran pun begitu juga lebih stabil dan lebih terjamin, terutama sekali FAMA memainkan peranan yang lebih penting lagi pada masa hadapan dalam soal pemasaran. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, soal pokoknya kita terpaksa bergantung kepada hukum ekonomi atau *The Economic Law of Supply and Demand*. Dalam bidang inilah sahaja kalau sekiranya Kerajaan dapat bereskan, ertinya dengan lain-lain perkataan, kita dapat membetulkan pasaran dan menstabilkan harga dalam bidang yang luas iaitu dalam bidang hukum ekonomi (*The Economic Law of Supply and Demand*).

Ada satu perkara berkaitan dengan harga ada Ahli Yang Berhormat menyebut harga satu-satu barang itu terlalu tinggi atau terlalu mahal dan ada juga Ahli yang lain yang mengatakan harga itu adalah terlalu rendah. Ini terpulanglah daripada sudut mana Ahli Yang Berhormat itu menengok. Biasanya, kalau Ahli Yang Berhormat itu menengok dari sudut pengguna ataupun consumer otomatislah beliau berkata harga barang-barang yang dikeluarkan itu tinggi yakni harga barang-barang pertanian. Kalau beliau menengok daripada sudut pengeluaran iaitu petani-petani yang mengeluarkan, maka otomatislah beliau mengatakan harga itu terlalu rendah dan dengan demikian petani menderita kerana harga rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini samada harga tinggi ataupun harga rendah ini bergantung kepada kos pengeluaran.

Kalau kos pengeluaran tinggi dan sekiranya harga itu hendak direndahkan, maka rugilah petani-petani yang mengeluarkan hasil-hasil itu. Dalam hal ini adalah sangat penting kita menengok kepada perkara kos pengeluaran, misalnya, harga baja dan harga makanan ternakan itu. Dalam hal ini pihak Kerajaan khasnya pihak Kementerian saya cuba mengikhtiarkan supaya kos pengeluaran, terutama sekali dalam bentuk harga baja dan harga makanan ternakan itu dapat dikurangkan, kalau harga pengeluaran itu kurang, walaupun harga jualan itu rendah, tetapi petani-petani yang mengeluarkan itu masih mendapat keuntungan. Soal pokoknya yang menentukan harga yang sesuai dan menguntungkan kepada kedua belah pihak iaitu pihak pengeluaran dan pihak pengguna adalah termasuk dalam kos pengeluaran. Sebahagian besar daripada kos pengeluaran ini adalah terletak kepada baja dan makanan ternakan.

Satu lagi perkara mengenai memproses barang-barang keluaran pertanian. Dalam kontek Rancangan Malaysia Ketiga ini Koperasi-koperasi Peladang memanglah digalakkan supaya memproses barang-barang keluaran mereka itu iaitu tidaklah setakat mengeluarkan dan menjual. Misalnya, kopi, koko, teh dan lain-lain lagi memanglah Kerajaan menggalakkan supaya Koperasi-koperasi Peladang ini selain daripada mengeluarkan mereka juga memproses seberapa jauh peringkat proses itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syarat-syarat pinjaman daripada Bank Pertanian terdapat juga rungutan. Dalam hal ini saya cuma dapat berjanji bahawa saya akan menengok dan berikhtiar supaya syarat-syarat dan faedah-faedah pinjaman ini dapat kita rendahkan seberapa yang boleh untuk menolong petani-petani kita.

Berkenaan dengan nelayan pula ada Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya pukut tunda ini ditutup sama sekali atau diharamkan. Pada prinsipnya kita terpaksa sekarang ini menjalankan perusahaan menangkap ikan bukanlah secara tradisional atau secara kecil-kecil di tepi-tepi pantai, tetapi kita hendak pergi kepada menangkap ikan secara moden, secara besar-besaran dan pukut tunda ini adalah suatu cara menangkap ikan yang moden dan lebih besar daripada menangkap ikan secara tradisional. Kalau kita hendak menutup ataupun hendak mengharamkan pukut tunda ini secara prinsipnya, maka ini bertentangan, ertinya bukan kita

hendak maju ke hadapan tetapi kita undur ke belakang. Ini tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam hal ini Kementerian Pertanian akan memperkuat lagi enforcement unit yakni untuk menjalankan Undang-undang itu supaya nelayan-nelayan pukut tunda tidak menangkap ikan atau udang di tepi-tepi pantai. Dengan demikian mengacau atau mengancam punca kehidupan nelayan-nelayan kecil yang secara tradisional itu.

Dalam kontek Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian saya ada peruntukan sebanyak kira-kira \$75 juta untuk membantu nelayan-nelayan. Kementerian Pertanian bercadang untuk melatih nelayan-nelayan kecil dan tradisional yang menangkap ikan di tepi-tepi pantai ini, pertama sekali kita hendak latih mereka dalam perkara menangkap ikan dan menjadi nelayan secara sederhana supaya membolehkan mereka menangkap ikan sampai ke 50 batu ke laut. Latihan akan diberi kepada mereka itu mengenai enjin-enjin, perkakas menangkap ikan di tengah laut, membaca map dan sebagainya. Setelah mereka itu dilatih semula (retrain) maka pihak Kementerian akan memberikan bantuan kepada mereka dalam bentuk motobot, enjin, alat perkakas dan lain-lain lagi supaya mereka dapat menjadi nelayan yang moden dan lebih besar lagi daripada masa yang telah lalu.

Dalam negara kita ini jumlah nelayan adalah sangat ramai dan sebahagian daripada nelayan yang berlebihan itu akan diikhtiarkan supaya dipindahkan daripada laut, ke darat samada mereka itu bekerja dalam bidang pertanian ataupun di dalam pekerjaan-pekerjaan yang lain, terutama sekali anak-anak nelayan tradisional yang kecil di tepi-tepi pantai ini.

Jadi dalam hal ini saya bercadang hendak berunding dengan Menteri-menteri yang berkenaan dengan perkara-perkara tanah dan sebagainya dan juga berunding dengan Menteri-menteri Besar yang berkenaan mengenai bagaimana dan berapa banyaknya yang boleh nelayan-nelayan yang berlebihan itu akan kita pindahkan ke darat, samada ke rancangan tanah ataupun kepada pekerjaan-pekerjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itulah secara prinsipnya jawapan daripada saya atas bahasan-bahasan Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang tidak saya sentuh secara

satu-persatu pandangan mereka itu adalah saya ambil perhatian untuk tindakan.

5.00 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan saya menggulung perbahasan ini, saya minta izin supaya pada tempat yang tertentu, saya akan berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan mengenai Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19hb Julai, 1976, kami di sebelah pihak Kerajaan telah mengambil ingatan terhadap beberapa pandangan dan cadangan-cadangan yang bernas yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap dasar-dasar dan strategi dan aturcara-aturcara Rancangan Malaysia Ketiga. Saya suka mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan yang membina dan saya telah memberi jaminan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan bahawa cadangan-cadangan itu akan diambil kira dalam masa pelaksanaan Rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan dan masaalah yang telah dikemukakan itu telah dijawab oleh Menteri-menteri yang berkenaan. Sebelum saya menjawab keseluruhan segala perkara yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga, sebagai Menteri Pelajaran saya suka membincangkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai pelajaran.

Perkara-perkara mengenai Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak membuat syor-syor, pandangan-pandangan dan teguran-teguran berhubung dengan masaalah pelajaran di negara ini. Sekarang izinkan saya mengulas beberapa perkara yang telah dibangkitkan yang saya fikirkan perlu diberi penjelasan.

Mula-mula saya ingin menyentuh teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit yang telah membangkitkan soal anak-anak kita yang masih bersekolah tidak menghormati orang-orang yang lebih tua daripada

mereka lagi dan seterusnya Ahli Yang Berhormat itu telah meminta supaya sukatan pelajaran dikaji semula. Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memerlukan tindakan bukan sahaja daripada Kementerian Pelajaran bahkan juga dari pihak-pihak yang lain. Nilai-nilai moral dan akhlak sememangnya dititik-beratkan dalam pelajaran di sekolah dan terkandung di dalam sukatan mata-pelajaran Tatarakyat dan Ugama Islam yang diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah bantuan Kerajaan. Tidaklah wajar jika difikir bahawa penambahan beberapa minit pelajaran agama atau sivik atau mengubah sukatannya akan mengatasi masaalah akhlak yang buruk. Perkara ini memerlukan kajian yang mendalam yang akan melibat bukan sahaja peranan sekolah tetapi juga ibu-bapa, masyarakat dan mass media yang ada sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan pelajar-pelajar kita sekarang kurang pengetahuan am dan mengesyorkan pelajaran pengetahuan am perlu diutamakan. Kita harus ingat bahawa masa bersekolah adalah terhad. Desakan supaya berbagai ilmu ditambah masanya tidak dapat dilakukan tanpa menambah masa di sekolah. Kalau masa di sekolah ditambah, masaalah makan di sekolah atau ulang-alik waktu makan akan timbul dan juga murid akan menjadi begitu bosan dengan persekolahan sehingga tidak dapat menyerap apa-apa pelajaran. Akibatnya ialah ilmu pengetahuan akan menjadi kurang, bukan bertambah. Walau bagaimanapun, pengetahuan am diajar sekarang di masa pelajaran sivik.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telah membangkitkan perkara mengenai bilangan pelajar-pelajar dalam satu-satu kelas adalah terlalu besar yang menyebabkan sebentar saja guru-guru dapat menjenguk kerja seseorang murid. Kementerian Pelajaran menyedari bahawa bilangan seramai 50 orang murid dalam satu-satu kelas adalah agak besar. Bilangan itu akan diperkecilkan. Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas pula telah menyatakan bahawa sistem dua sesi bagi sekolah-sekolah melemahkan pelajaran. Tetapi jika murid dalam bilik darjah hendak dikurangkan dan tiap-tiap sekolah mengadakan satu sesi sahaja, kita akan memerlukan tidak kurang dari 2,000 sekolah lagi. Memandang bahawa sekarang

ini pun masih ada sekolah yang buruk dan kita tidak dapat menggantikan sekolah buruk ini maka adalah mustahil kita dapat menyedia 2,000 sekolah lagi. Sehingga kita dapat membina sekolah dengan rapi, kita terpaksa mengada sekolah dua sessi, dan bilangan murid yang ramai bagi sesuatu darjah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang mahu pelajaran asas perniagaan kepada anak-anak bumiputra dipergiatkan lagi. Saya suka menyatakan di sini bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengkaji sistem dan sukatan mata-pelajaran perdagangan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekianlah sahaja ulasan-ulasan yang perlu saya bentangkan terhadap beberapa masaalah pelajaran yang telah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini. Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian terhadap syor-syor dan perkara lain yang telah dibangkitkan yang mana tidak saya ulaskan di sini.

The Third Malaysia Plan

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, during the course of the debate, it was evident that the majority of Honourable Members viewed the Third Malaysia Plan as a major, yet realistic effort on the part of the Government to meet the challenges confronting the nation. It was also evident that while Honourable Members fully supported the targets, strategies and programmes, several Members sought clarification on some of the key policy issues involved. It is interesting to note that the Honourable Members for Kota Melaka has acknowledged that the Plan is more balanced than the Second Malaysia Plan. He, however, contends that this is largely due to the Government having taken into account the criticisms that his party has made in the past. This is rather presumptuous on his part. It is normal for economic planners to study the weaknesses or failures of previous plans before drawing up new plans. If five-year plans are mere repetitions of previous plans, periodic planning would be superfluous. We should have instead a hundred-year plan or a thousand-year plan. With five-year plans, we have the opportunity to make adjustments and improvements to take account of lessons learned as well as changing situations and new developments. A new plan must always be an improvement on previous plans.

Performance under the Second Malaysia Plan

The Honourable Members for Kepong and Sungai Besi have claimed that inequalities in the distribution of income have widened considerably between 1957 and 1970. A study undertaken under the auspices of the World Bank on this very subject indicates that we cannot make definite conclusions about the change in inequality between 1957 and 1970. Our own subjective conclusions, however, is that the distribution of income between these two periods could have become somewhat more unequal in relative terms but certainly not to the extent implied. At the same time, continuous progress has been made in bringing basic social amenities within the reach of the poor. Such amenities lessen the burden of the poor and indirectly help increase their capacity to attain better living conditions.

The Honourable Members for Kepong, Seremban and Sungai Besi have also alleged that the problem of poverty has, in fact, worsened as the number of poor households in the urban and rural areas have been increasing. We will not deny that the actual number of households in poverty has increased in both rural and urban areas of the country. This is due in large measure to the continuing expansion of our population.

It is inaccurate for the Honourable Members to claim that the benefits of development have not reached the poor at all. Our evaluation indicates that those who have been provided with facilities for rapid improvement in yields and outputs have obtained higher incomes despite rising costs of inputs and consumer goods. This was particularly the case for those in public development schemes as well as farmers who were provided with drainage and irrigation facilities that enabled double-cropping or permitted the planting of supplementary crops. In addition, the network of social services in education, health, electricity and water has been extended to cover an increasing part of the population. All these have led to improvements in the quality of life and better living conditions—levels which are much higher than those obtained even as recently as five years ago.

Mr Speaker, Sir, in commenting on the Third Malaysia Plan, the Honourable Member for Kepong questioned the targets

set in relation to what was achieved under the Second Malaysia Plan as well as the capacity of the Government to achieve these targets.

The Honourable Member himself has reminded this House that he described the Second Malaysia Plan as euphoric when that Plan was debated here. Honourable Members will recall, in this connection, that our targets for G.D.P. growth and employment creation under the Second Malaysia Plan were 6.8% per annum and 596,000 new jobs respectively. In the event, we exceeded our target for G.D.P. growth and came very close to our target for employment creation. It is amply clear that while we in the Government have and will always continue to be realistic in the targets we set, the Honourable Member is living up to his reputation as the eternal pessimist.

Now the Honourable Member offers the judgement that our targets for growth in the Third Malaysia Plan are far too optimistic. We have no reason to think that he is right this time when he was proven so very wrong in his predictions of the Second Malaysia Plan.

Mr Speaker, Sir, the redressal of poverty among all races and in all areas of the country is a major thrust of the Plan's objectives, strategies and programmes. The programmes and projects of the Plan have been so designed as to bring about meaningful improvements in the welfare of all the poor, be they agricultural workers, smallholders, fishermen, estate workers, new village residents or urban dwellers. I would like to ensure the Honourable Member for Sungai Besi, who has called for an in-depth study of the root causes of poverty, that these poverty redressal programmes and projects were formulated on the basis of a detailed analysis of the problems of poverty as presented in the Plan document. The analysis takes account of the various factors which affect incomes and the standards of living, especially of those in the rural areas. Thus, various aspects of the problems encompassing such matters as the size of holding, productivity, cropping patterns, price levels, non-farm incomes as well as educational attainment have been taken into consideration. In these studies, the Government has not only utilised the findings of its statistical surveys and departmental reports but it has

also availed itself of studies undertaken outside the Government—in our own Universities as well as by international organisations.

In our continuing effort to assemble the information necessary for the effective design and implementation of our poverty redressal programmes, the Government will:

- mount an in-depth study of the problems of rural poverty in Sabah and Sarawak later this year;
- undertake a special survey on the problems of urban poverty throughout the country in 1977; and
- carry out a National Agricultural Census in 1977. This will be supplemented by continuing work on pertinent socio-economic indicators as well as detailed and localised socio-economic surveys in both the rural and urban areas of the country.

While on this subject, Mr Speaker, Sir, permit me to deal with the queries from the Honourable Members for Kepong and Kota Melaka as to how it was possible for Government to determine the number of households in poverty without reference to a poverty line. I am indeed surprised, Mr Speaker, Sir, that these queries should arise as the basis for our calculations have been quite clearly stated in the Plan document. The estimates and projections, as contained in the Plan document, with respect to the number of households in the country in poverty, were based on estimates made by the Institute of Medical Research in respect of minimum nutritional needs and those of the Ministry of Welfare Services in regard to essential non-food requirements for sustaining a decent standard of living. The Honourable Member must surely appreciate the fact that a single poverty line for the whole country would be meaningless as it cannot take into account differences in the cost of living in different parts of the country, differences in family size and the number of income earners within each family itself; and differences in the access of individual households to basic social amenities provided by the Government. The great play that the Honourable Member makes of the poverty line seems to hide a latent inability to appreciate the true value of facts and figures. I don't think many people will be taken in by the Honourable Member's rhetoric.

Mr Speaker, Sir, in view of the special priority accorded to the programmes and projects that are designed to increase the incomes and improve the standards of living of the poor in both the rural and urban areas, several Honourable Members have quite rightly focussed their deliberations on this subject. A number of constructive suggestions were put forward to improve the effectiveness of these programmes. For example, the Honourable Member for Pekan has quite rightly suggested that it is necessary not only to increase the ownership of the Malays and other bumiputras in commerce and industry but also to develop a pool of qualified professionals among them. We have also noted with much interest the suggestions from the Honourable Member for Semerah to increase the effectiveness of the Farmers' Organisation Authority as an important agency for the accelerated development of agriculture in existing areas. I would like to thank all Honourable Members for their useful suggestions and reassure them that these would certainly be taken into consideration in the implementation of our programmes and projects.

The Honourable Member for Kepong requested that the allocation of \$30 million for petty traders be increased. I would like to point out that the \$30 million allocation for petty traders is a new provision. In the course of implementing the Plan, the Government will study the adequacy and usefulness of this item and increase the amount if the need arises.

In commenting on the Plan's poverty redressal programme, the Honourable Members for Arau and Kepong contended that the primary cause of poverty in the rural areas is the uneconomic size of holdings and landlessness brought about by fragmentation.

Mr Speaker, Sir, an economic size holding is not easy to determine as so much depends on the type of crop. In any case, most economic holdings become uneconomic after the holdings of deceased persons have been divided among the beneficiaries.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka melihat semua yang berlaku dalam Malaysia dari kacamata kaum ataupun perkauman. Di samping itu ia cuba menjadikan perkaumannya sebagai asas pembangunan negara. Dalam membincang dasar umum Rancangan

Malaysia Ketiga ia menyatakan sokongannya kepada usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kita tahu sebabnya masyarakat perlu disusun semula ialah oleh kerana dalam masyarakat Malaysia terdapat bukan sahaja perbezaan kaum tetapi economic function semua kaum juga terpisah. Dalam usaha memusnahkan identification of race with economic function, peluang-peluang baru dalam expanding economy mestilah dibahagi-bahagikan supaya akhirnya sesuatu economic function itu tidak lagi terhad kepada satu kaum.

Jika Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menerima Dasar Ekonomi Baru maka ianya mestilah terima juga usaha menjadikan Dasar Ekonomi Baru itu satu "fact" dan bukan "platitude". Oleh kerana Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak faham saya perlu memberi contoh yang jelas.

Jika dalam satu jurusan umpamanya terdapat 90% dari kaum A dan 10% dari kaum B, dan jumlah semua dalam jurusan ini adalah 10,000 maka ini bermakna 9,000 terdiri dari kaum A dan 1,000 dari B. Jika kaum A dan B adalah sama banyak, bilangan A dan B sepatutnyalah sama-sama 5,000.

Dasar Ekonomi Baru tidak membenarkan kita kurangkan mana-mana golongan. Jadi kalau kaum A dan kaum B adalah sama ramai, kita tidak boleh kurangkan kaum A sehingga tinggal 5,000 dan menambah pula kaum B sehingga menjadi 5,000. Kita cuma boleh tentukan imbalan peratusan untuk masa depan sahaja dalam konteks expansion, iaitu jika bilangan bertambah sebanyak 1,000 pada setahun, yang seribu ini bolehlah dibahagi-bahagikan supaya selepas beberapa tahun peratusan antara A dan B menjadi sama.

Jika pada tahun 1976 di antara 10,000 orang, 9,000 adalah dari kaum A, dan 1,000 adalah dari kaum B, dan peratusan ini dikekalkan bagi pekerja baru dalam tahun 1977 iaitu 900 dari A dan 100 dari B, maka peratusan tidak akan berubah dan susunan semula tidak akan berlaku. Jika kita mahu susun semula maka intake tahun 1977 mestilah diubah nisbahnya. Katakanlah intake 1977 disamakan maka pekerja baru A 1977 adalah sebanyak 500 dan B juga 500. Ini bermakna percentage growth bagi A cuma sebanyak 5.5% tetapi bagi B yang cuma ada 1,000 itu percentage growthnya adalah 50%.

Sudah tentu dari segi growth percentage ini nampaknya tidak adil. Tetapi walaupun ini dilakukan jumlah bagi tahun 1977 ialah 9,500 A dan 1,500 B. Dari segi restructuring kita cuma dapat mengubah percentage daripada 90% A—10% B kepada 86% A dan 14% B. Jika tiap-tiap tahun peluang baru bertambah sebanyak 1,000 dan ini dibahagi sama banyak, nisbah akan menjadi 70% A dan 30% B dalam sepuluh tahun dan 57% A dan 43% B dalam 50 tahun. Sebenarnya jika kita anggap bahawa semua pekerja yang ada dalam tahun 1976 ini akan bersara selepas 30 tahun, maka peratusan akan menjadi 50% A—50% B dalam masa 30 tahun, iaitu tahun 2006, jika pada tiap-tiap tahun pembahagian peluang adalah sama 50—50.

Tetapi dalam banyak bidang peratusan pembahagian ini tidak dapat dicapai kerana beberapa sebab tertentu. Dalam bidang pelajaran mungkin kerana tidak ada pelajar yang layak, dan dalam bidang perniagaan kerana tidak ada peniaga, ataupun modal ataupun lain-lain.

Dalam bidang pelajaran kedudukan peluang belajar sebelum Dasar Ekonomi Baru amatlah tidak adil. Pelajaran menjadi alat yang berkesan sekali dalam menentukan vertical dan horizontal mobility bagi seseorang, iaitu orang miskin boleh jadi kaya, dan orang petani boleh jadi jurutera atau doktor melalui pelajaran. Oleh itu, peluang-peluang pelajaran mestilah dibahagikan supaya restructuring of society bukan sahaja menjadi satu slogan tetapi menjadi satu fact.

Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang peratusan kemasukan ke dalam universiti tempatan seperti berikut:

During the Second Malaysia Plan the share of the Malays and other indigenous people increased from 50% to 65% and other Malaysian students declined from 50% to 35%.

Saya ingin soal dapatkah kita menambah peratusan Melayu bumiputra menjadi 65% di samping itu mengekal peratusan other Malaysians sebanyak 50%. Ini adalah satu mathematical impossibility. Jikalau peratusan sesuatu hendak dinaikkan, peratusan yang lain tentu terpaksa turun. Walaupun kemasukan dalam Universiti tempatan dapat di kawal, ini tidak mungkin bagi universiti seberang laut. Jika Kerajaan ini tidak adil, kita akan menyekat pemergian penuntut

keluar negeri untuk menyusun semula masyarakat. Ada negara di rantau ini yang berbuat demikian dan Ahli D.A.P. tentulah lebih mengetahui. Tetapi kita di Malaysia tidak menyekat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengaitkan peluang pelajaran ini dengan pemindahan ahli-ahli professional bukan bumiputra ke negara asing. Saya tidak terima bahawa ahli professional ini berpindah kerana anak mereka tidak mendapat peluang pelajaran. Tidak ada dasar membezakan peluang pelajaran antara anak orang professional dengan anak orang lain. Kenapakah orang lain tidak turut berhijrah ke lain negara. Jika keadaan di negara ini betul begitu buruk bagi anak ahli professional kenapa begitu ramai orang professional dari negara lain mahu migrate ke Malaysia.

Memanglah benar mereka yang migrate ini "are to be pitied" seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. The comment is not smug as the Member for Kota Melaka wished to make out. It is the Member for Kota Melaka who should examine his own utterances. Pious platitudes and cynical comments do not build nations. Goodwill and a willingness to recognise the special problems posed by a multiracial society divided by wealth and economic functions and shape opinions and actions accordingly are what will build them.

The Honourable Member for Kota Melaka is toeing the communist line when he insists that the war against the communists is a class war. The community with the biggest incidence of poverty is hardly represented in the terrorist organisations. On the other hand, well-to-do dancers and doctors seem quite willing to join the communist ranks.

It cannot be denied that some of the communist terrorists come from poor families, but more people from poor families prefer honest labour even for small returns rather than join the communists.

The most important single factor in motivating the communists is a lust for power. The present democratic Government stands in the way of their quest for power. Anything that can be used to subvert the people and weaken the Government, will be used by the communists. Hence their attempt to depict themselves as saviours of the poor.

People like the Honourable Member for Kota Melaka must know this quite well. But of course he does not mind toeing the communist line so long as he can gain politically by it. I would like to remind the Honourable Member that at a time when the country is faced with a military threat by the communists, helping their line is not healthy.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi menganggap pembahagian peruntukan bagi negeri-negeri sebagai tidak adil. Katanya, Kedah tidak diberi peruntukan yang sewajarnya. Saya juga dari Kedah dan saya terlibat secara langsung dengan menentukan peruntukan ini. Sebenarnya, peruntukan bagi Kedah adalah lebih daripada yang dipohon oleh negeri Kedah sendiri.

Jika lain-lain negeri yang kurang ramai penduduk mendapat peruntukan yang lebih, ini ialah oleh kerana ada rancangan-rancangan yang memberi munafaat kepada seluruh negara yang ditempatkan di negeri itu. Umpamanya, peruntukan untuk bekalan elektrik bagi Trengganu menjadi begitu tinggi kerana satu rancangan hydro-electric yang akan membekal elektrik bukan sahaja untuk Trengganu tetapi juga untuk negeri-negeri lain. Begitu juga perbelanjaan untuk universiti di Selangor tidak memberi faedah kepada Selangor semata-mata, tetapi juga kepada seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telah menegur dasar Perancangan Keluarga. Katanya, kita tidak patut kurangkan anak. Kita patut beri bantuan kepada mereka yang banyak anak. Tetapi di samping itu Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengatakan bahawa dia amalkan family planning dan ada cuma dua anak. Inilah penyakit kita. Yang mampu tidak ada banyak anak. Yang tak mampu dapat banyak anak. Sepatutnya yang mampu seperti Ahli Yang Berhormat itu adalah lebih banyak anak. Kerajaan akan menimbang untuk memberi medal kepada Ahli Yang Berhormat itu jika ia dapat anak banyak (*Ketawa*). Jika rakyat menerima nasihat dan dasar Kerajaan berkenaan dengan Perancangan Keluarga semua masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak akan timbul.

Implementation and Evaluation

Tuan Yang di-Pertua, a number of Honourable Members have echoed the Prime Minister's call for effective and

efficient implementation of programmes and projects to ensure the success of the Third Malaysia Plan. Some have gone so far as to suggest that annual reviews of the Plan should be prepared for the consideration of this House. The information that will be provided on the occasion of the Royal Address to Parliament and the presentation of Government's Budget, will provide opportunities, on an annual basis for this House to keep the progress and the problems of the Plan under close review. (In addition the presentation of and debate on the Mid-Term Review will afford a major opportunity for a comprehensive evaluation).

The importance that the Government attaches to the task of implementation is such that the Government will, as suggested by the Honourable Member for Panti and also Y.A.B. Datuk Abdul Rahman Ya'kub from Sarawak, ensure that the present machinery for monitoring and evaluating implementation be improved and strengthened. In addition, the Prime Minister has decided to set up a Ministerial Committee under my Chairmanship to deal with any issue or long-jam which impede or threaten to slow the investment and industrialisation programme of the Third Malaysia Plan.

The Ibrahim Ali Report

It cannot be over-emphasized, Mr Speaker, Sir, that despite the efforts of the Government to strengthen the administrative machinery for development, our efforts will be frustrated without the full co-operation of the members of the public service and their trade unions. In this connection, permit me, Mr Speaker, Sir to touch on a subject that is very sensitive to a lot of Government employees.

The Government notes with concern recent agitations for the implementation of the Ibrahim Ali Report. Let me stress that the Government is willing to consider pay revisions but it must also take into consideration the welfare of the people and the nation as a whole. Changes in the structure of salary scales do not affect the Federal Government alone. They have to be reflected in the salary schemes of the State Governments, Public Authorities and other Government agencies. Further, salary revisions in the public service will also have implications for the private sector. The ability of the private sector to absorb increases in salaries is not the same

as that of the Government. Within limits the Government can raise taxes but the private sector cannot increase its prices at will to meet increased wages. Such an act would not only cause hardship but also contribute towards inflation. Increases in taxation cannot be taken lightly as they affect investment which in turn affects employment opportunities and development as a whole. As all these inter-related factors have to be carefully evaluated, the Government has to take a longer time to consider the Report.

Let me assure this House that it is not the intention of the Government to drag its feet in the implementation of the Ibrahim Ali Report. Our experience with salary revisions in the past indicates that they do not resolve the problems involved. On the contrary, revisions tend to lead to more discontentment than satisfaction. Such a climate of discontentment will not help industrial stability. It is necessary that our decisions on the major salary revisions proposed by the Report be handled with the utmost care for the good of the country.

We would appeal to the unions to be patient. Agitations by them will raise expectations which, when not met quickly or adequately for reasons which cannot be avoided, will undermine the effort and capacity of the officers to implement the Third Malaysia Plan. Any failure of the Plan will affect the capacity of the Government to meet rising administrative costs. I believe it is essential that in such matters of national importance, union leaders must exercise the fullest responsibility in the interest of the nation. This is especially important at this time given both the problems of national development and national security.

Mr Speaker, Sir, our goal is a society in which all Malaysians, irrespective of race, culture and creed, will have the opportunity to participate in the process of nation building and enjoy, in equitable measure, the fruits of our joint efforts in national development.

The Third Malaysia Plan is by far the biggest and the most ambitious of Malaysia's Five-Year Economic Development Plans. But despite its magnitude it has fallen far short of the amount requested by Ministries and States and other Agencies as their requirement for development over the next

five years. As an example, the Ministry of Education made a bid for \$3 billion (\$3,000 million) but is allocated only \$1,100 million.

What this means is that various projects requested by the people will not materialise. This includes projects with direct bearing on poverty eradication. A lot of people are going to remain unemployed or underemployed and a lot of amenities for the poor will not be provided because provisions cannot be made in the Third Malaysia Plan.

The reason is, of course, very simple. The provision of funds is not arbitrarily determined but is subject to the capacity of the nation to provide. 18.6 billion dollars is decided upon not arbitrarily but because that is what we can afford.

Funds for development can be borrowed. In the case of the Third Malaysia Plan it is 100% borrowed. However, the magnitude of borrowing depends on the capacity of the nation to pay from revenues collected. Clearly the more money we have to spare after payment of operating cost of the Government, the greater is the amount available for servicing of loans or even development itself.

Operating cost over the next 5 years is estimated at 42 billion dollars or almost 2½ times the development cost. Of this, emoluments take up 21 billion dollars or 50%. Debt servicing amounts to 13% or 5.5 billion dollars.

The size of borrowings for development clearly depends on the amount left over for debt servicing. I am taking the trouble to explain this because I feel Honourable Members and their constituents should understand why they will not get some of their schools or their roads or their clinics. It is just that the Government cannot afford to give, if it wants to remain responsible and not drive the country to bankruptcy.

Another factor that affects funds for development is the direct and indirect subsidy by the Government. When the Government waives taxes or controls prices, revenue is lowered and therefore development is also lowered. A clear example is the Lembaga Letrik Negara. Since 1974 the operating cost of the L.L.N. has been inflated by a rise in fuel oil cost from \$50 per ton to \$215 per ton, (a rise of 415%), diesel fuel cost from

60c. per gallon to \$1.30 per gallon and heavy fuel from \$100 per ton to \$235 per ton (235%). In addition, the salaries have been increased following the Harun Report. Despite all these, the charges for electricity have not been raised by more than 70% for industrial consumers and 20% for domestic consumers by way of surcharge only. The Lembaga Letrik Negara is therefore operating at a loss or more correctly the Government is subsidising electricity consumers.

At the moment Government subsidy is applied to various items ranging from sugar to fertilizer, and totals 610 million dollars per year. This again means that development is made to suffer.

Development benefits all but the poor most of all. Anything that reduces funds for development means that the poor are being made to sacrifice the priority which is rightfully theirs. This is manifestly unfair.

It is in this light that we must view the Third Malaysia Plan. It is not a simple exercise in providing funds to meet the demands of everyone. It is an exercise in distributing available funds in as equitable a manner as possible, with the greatest priority given to those most in need.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga tidak disusun sebagai satu strategi politik walaupun kesan politiknya tidak dapat dinafikan. Rancangan Malaysia Ketiga disusun kerana Kerajaan ini adalah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sedar tentang pentingnya pembangunan bukan sahaja untuk rakyat tetapi untuk kesejahteraan dan kedaulatan negara.

Jika Kerajaan tidak bertanggungjawab dan mahu popularity semata-mata kita boleh meminjam wang yang lebih banyak dan membahagi-bahagikannya secara langsung kepada mereka yang boleh tolong mengekalkan Parti Barisan Nasional. Tetapi cara yang mudah ini tidak diamalkan kerana akibatnya ialah keruntuhan ekonomi seperti berlaku di negara-negara yang mengamalkan cara ini. Negara yang ekonominya lemah akan hilang kemerdekaannya. Sebab itu walaupun peruntukan disediakan untuk menolong orang yang

miskin secara langsung, susunan dan pembahagian peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga lebih mengutamakan pembangunan ekonomi dan stabiliti dalam jangka panjang. Ini dilakukan kerana kesan ekonomi yang kukuh dan stabiliti negara lebih menjamin pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Walau apapun kecaman dan desakan yang dibuat, Kerajaan akan berpegang teguh kepada approach ini. Kerajaan yakin Rancangan Malaysia Ketiga akan berjaya dan Kerajaan berharap setelah kita bincang dan beri pendapat dalam pembahasan selama enam hari ini semua pihak akan menumpukan perhatian dan usaha untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk rakyat dan negara dan tidak siapa berhak menjejaskan kerana kepentingan diri atau sesuatu golongan atau apa juga sectional interest yang diwakili. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi perlaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu-padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1976

5.45 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirojak kepada Jawatankuasa Majlis.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$3,317,031,398 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 yang mana sejumlah \$1,982,785,649 bagi Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 dan Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$1,334,245,749 bagi maksud Kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala yang disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam penyata Anggaran Pembangunan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1976 adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Kita diberitahu bahawa Peraturan Mesyuarat yang ada akan digantungkan dengan peraturan yang baru untuk mesyuarat ini. Bukankah sebelum Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul ini bahawa peraturan yang baru yang dicadangkan dan diedarkan dalam kertas itu oleh Setiausaha dikemukakan untuk diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak mesti didahulukan. Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengemukakan dan saya akan rojokkan kepada Peraturan Mesyuarat 90 (2) yang berbunyi:

"90. (2) Sesuatu masaalah yang bertujuan hendak merentikan kuatkuasa manamana Peraturan Mesyuarat atau harus menyebabkan boleh terhenti kuatkuasa

Peraturan-peraturan Mesyuarat, boleh dicadangkan hanya selepas dikeluarkan pemberitahu atau dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua."

Jadi setelah Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan dan disokong dan sebelum dikemuka untuk dibahaskan, waktu itu saya akan kemukakan. Sila teruskan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa pada 5hb Mac, 1976, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula portofolio-portofolio Kementerian dan ini telah menyebabkan beberapa perubahan kepada nama-nama Kementerian dan pemansuhan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi. Berikutan dengan perubahan-perubahan ini, beberapa pecahan-kepala perlu dipindahkan ke Kementerian-kementerian yang berkenaan. Pemindahan-pemindahan dan perubahan nama ini telah dilaksanakan dalam Anggaran Pembangunan, 1976.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan ini telah meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi perlaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Dalam mengemukakan Usul untuk maksud ini pada 19hb Julai, 1976, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghuraikan matlamat-matlamat, strategi dan saiz Rancangan ini. Bagi melaksanakan Rancangan ini bagi tahun 1976, perbelanjaan pembangunan sebanyak \$3,317,031,398 adalah diperlukan seperti terkandung dalam Kertas Perintah No. 15 tahun 1976 yang telah dibentangkan di Dewan ini. Dari jumlah ini, sebanyak \$1,982,785,649 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975, sebagai Anggaran Pembangunan Sementara, 1976. Peruntukan yang telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan Sementara itu ialah untuk membiayai projek-projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu, peruntukan tambahan yang dicadangkan sekarang ialah berjumlah \$1,334,245,749.

Oleh kerana peruntukan bagi Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 telahpun diluluskan oleh Dewan ini, seperti yang telah saya sebut tadi, tidaklah perlu saya menghuraikannya lagi mengenainya.

Adapun matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat dan menyusun semula masyarakat supaya dapat mengurang dan akhirnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi dan kawasan. Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak lebih kurang \$607 juta atau lebih kurang 46% daripada jumlah peruntukkan tambahan sebanyak \$1,334.2 juta yang diminta Dewan meluluskan sekarang, adalah dicadangkan bagi projek-projek untuk melaksanakan matlamat-matlamat ini. Dari jumlah \$607 juta ini, peruntukan sebanyak \$100 juta adalah dicadangkan untuk Kumpulan Pelaburan Bumiputra, iaitu separuh daripada yang diperuntukkan untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini. Bagi keselamatan negara pula, peruntukan sebanyak \$326 juta atau 24% adalah dicadangkan.

Suka saya menjelaskan juga bahawa dari jumlah \$1,334.2 juta yang dicadangkan ini, sebanyak \$995,323,678 ialah untuk perbelanjaan cara langsung, manakala bakinya sebanyak \$338,922,071 ialah untuk pinjaman kepada negeri-negeri dan perbadanan-perbadanan. Projek-projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kedua memerlukan perbelanjaan sebanyak \$677,342,564 dan sebanyak \$656,903,185 diperlukan untuk membiayai projek-projek baru. Suka saya menyatakan di sini bahawa dari peruntukan tambahan sebanyak \$1,334.2 juta yang diminta sekarang, sebanyak \$92.3 juta telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka di bawah Kepala P. 67—Luar Jangka Dalam Anggaran Pembangunan untuk membiayai bayaran-bayaran segera berkaitan dengan beberapa projek di mana peruntukan yang telah diluluskan di dalam Anggaran Pembangunan Sementara telah didapati tidak mencukupi dan juga beberapa projek baru yang perlu dilaksanakan dengan segera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari jumlah perbelanjaan \$3,317,031,398 yang dicadangkan bagi Anggaran Pembangunan, 1976 ini, sebanyak \$2,387.9 juta ialah untuk perbelanjaan cara langsung manakala bakinya sebanyak \$929.1

juta bertujuan untuk memberikan pinjaman kepada negeri-negeri dan perbadanan-perbadanan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Keterangan-keterangan lanjut mengenai butir-butir jumlah peruntukan ini ada terkandung dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 tahun 1976.

Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan akan memberikan maklumat yang lanjut semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah Usul untuk Dewan ini menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1976. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia ingat, Dewan ini telah meminda Aturan dan Peraturan Dewan supaya bila kita bahaskan Anggaran Perbelanjaan Tiap-tiap Tahun samada untuk urusan ataupun expenditure berkenaan dengan urusan dicampur sekali dengan perbahasan berkenaan dengan Pembangunan. Oleh sebab usul ini bersangkut-paut dengan Anggaran Perbelanjaan, maka tidaklah boleh kita mengikut peraturan bagaimana yang ada di dalam Aturan dan Peraturan Mesyuarat kita sekarang. Jadi, mengikut peruntukan di dalam Peraturan 90 bolehlah kita maknanya suspend atau gantungkan peraturan itu dan bila Yang di-Pertua iaitu saya di sini bersetuju boleh digantung, maka kuasanya diserahkan kepada saya di sini mengaturkan bagaimanakah satu-satu masaalah itu akan dibincangkan. Jadi, untuk hendak membincangkan perkara ini, saya telah edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat satu kertas panduan seminggu dahulu atau 4-5 hari dahulu.

Pendek kata, kita kembalilah balik pada Peraturan Mesyuarat 66 dahulu yang sebelum kita pinda. Hanya sedikit sahaja perubahan yang dibuat iaitu dalam di sini kita sebutkan perbahasan berkenaan dengan

dasar diperuntukkan satu hari dan perbahasan dalam Jawatankuasa kita boleh diperuntukkan tidak lebih daripada dua hari. Jadi, garis panduan itu sudahlah saya edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan bagi Ahli-ahli yang dahulu dan bukan Ahli baru, tentulah ingat peraturan itu, dan bagi Ahli-ahli baru tak lain dan tak bukan samalah juga seperti kita berbahas di bawah Peraturan 66 baru—66 yang kita sudah pinda.

Saya cuma hendak terangkan sekali lagi atau hendak terangkan tambahan di dalam peraturan yang saya cadangkan dan telah diedarkan, saya tidak terangkan bahawa bila sampai kepada masa Jawatankuasa perbincangan "Menteri" dalam peraturan ini termasuklah juga Setiausaha Parlimen, sebagaimana yang kita telah buat baru-baru ini dalam Peraturan Baru 66.

Jadi, sekarang bolehlah kita bahaskan dengan serta-merta berkenaan dengan dasar ataupun policy Anggaran Pembangunan, 1976. Sebagaimana saya telah maklum pada sedikit hari dahulu kepada Dewan ini, saya hendak beri peluang kepada Ahli-ahli yang tidak ada peluang bercakap waktu kita berbahas Rancangan Malaysia Ketiga, memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang suka bercakap boleh bercakap dahulu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dahulu. Dan bolehlah sentuhkan dalam ucapan itu Rancangan Malaysia Ketiga, sebab sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan, 1976 ini meliputi juga perbelanjaan berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Sekarang terbukalah Dewan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat membuat apa-apa ucapan tentang dasar Anggaran Perbelanjaan, 1976. Jemput siapa Ahli-ahli yang suka hendak berucap.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada bercakap dahulu?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, ada bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada orang lain hendak bercakap, yang belum bercakap. Ahli Yang Berhormat ada hak bercakap, kerana orang lain tidak mahu bercakap.

Sila. Saya minta jangan bercakap panjang-panjang sebab dahulu sudah bercakap panjang.

5.57 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini diminta meluluskan sebanyak lebih \$3 billion untuk Anggaran Pembangunan tahun ini dan daripada Anggaran ini sebanyak lebih \$2 billion untuk Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran ini adalah satu Anggaran Pembangunan yang amat besar dan oleh yang demikian peruntukan untuk pembangunan mestilah satu peruntukan yang berseimbang (*well balanced*), realistic dan harus digunakan untuk memenuhi keperluan utama orang ramai.

Oleh sebab tahun 1976 adalah tahun permulaan bagi

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Mengikut Peraturan Mesyuarat 26 (1) (m) di mana ada disebutkan bahawa notis tidak payah diberi:

"26 (1) (m) a motion to suspend any Standing Order moved under Standing Order 90 when the consent of Tuan Yang di-Pertua has been expressed;"

Mengikut Peraturan ini selepas consent diberi oleh Tuan Yang di-Pertua satu usul harus dikemukakan kepada Dewan ini untuk suspend Standing Orders sebelum peraturan-peraturan baru yang dicadangkan digunakan. Saya minta bahawa ini diikuti oleh kerana saya ada sedikit teguran mengenai peraturan-peraturan yang baru yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah betul. Saya jemput Yang Berhormat Menteri membuat satu Usul untuk membincangkan Usul yang telah dicadangkan supaya Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 66 digantung dan Peraturan yang diedarkan itu disetujui.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mencadangkan:

Bahawa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 66 digantung mengikut Peraturan Mesyuarat 90 dan Peraturan seperti

di bawah ini yang telah dipersetujui oleh Yang di-Pertua, akan dipakai untuk panduan pada masa membahaskan Usul Anggaran Pembangunan, 1976:

Peraturan Menimbangkan Anggaran Pembangunan Tahunan

(1) Usul mengenai Anggaran Pembangunan 1976 hendaklah diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis oleh seseorang Menteri dan usul ini bolehlah dicadangkan dengan tidak berkehendakkan pemberitahu.

(2) Apabila dikeluarkan usul hendak mengedarkan kepada Jawatankuasa seperti yang disebutkan dalam perenggan (1), bolehlah dibahaskan dasar am Kerajaan berkenaan dengan Kumpulan Wang Pembangunan dan tujuan-tujuan perbelanjaan itu.

(3) Selebih-lebihnya *satu* hari hendaklah diuntukkan bagi perbahasan atas usul hendak mengedarkan seperti yang disebutkan dalam perenggan (1).

(4) Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya *dua* hari bagi perjalanan mesyuarat dalam Jawatankuasa dan Tuan Yang di-Pertua boleh menetapkan masa yang selebih-lebihnya yang hendak ditetapkan bagi apa-apa kepala dalam Anggaran Pembangunan. Jika bagi apa-apa kepala perbelanjaan itu telah genap tempoh yang ditetapkan maka Pengerusi hendaklah dengan serta-merta mengemukakan bagi diputuskan, apa-apa masaalah yang dikehendaki bagi memberi keputusan atas kepala perbelanjaan yang dibahaskan itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Pengerusi, jika baik pada timbangannya, bolehlah melanjutkan tempoh yang ditetapkan bagi mana-mana kepala perbelanjaan itu sekadarkan perundingan dalam Jawatankuasa itu hendaklah tidak lebih daripada dua hari.

(5) Apabila menimbangkan dalam Jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (1), Pengerusi hendaklah menyebutkan nama tiap-tiap kepala perbelanjaan lepas satu kepala, satu kepala dan hendaklah mencadangkan masaalah atas usul itu "Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1976 hendaklah dibenarkan".

(6) Apabila masaalah yang disebutkan dalam perenggan (5) telah dicadangkan, Menteri yang bertanggungjawab atas kepala

perbelanjaan yang berkenaan, bolehlah bercakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan selepas itu:

(i) jika telah dikeluarkan pemberitahu pindaan atas kepala perbelanjaan itu atau bahagian kepala perbelanjaan itu atau butir kepala perbelanjaan itu, maka pindaan-pindaan itu hendaklah diputuskan menurut perenggan-perenggan (7) dan (8);

(ii) jika tidak dikeluarkan pemberitahu pindaan-pindaan atau apabila semua pindaan telah diputuskan, maka bolehlah dibahaskan usul yang disebutkan dalam perenggan (5) atau sebagaimana yang dipinda, ikut mana yang dikehendaki; perbahasan atas usul itu hendaklah terhad kepada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.

(7) Pindaan-pindaan yang dikehendaki pemberitahu sekurang-kurang dua hari terlebih dahulu, bolehlah dicadangkan atas usul yang disebutkan dalam perenggan (5) bagi meninggalkan apa-apa bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan atau bagi menambah di hujung usul itu "dengan syarat dikurangkan sebanyak" dengan ditentukan apa dia bahagian kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan (jika ada) yang hendak dikurangkan belanjanya itu.

(8) Apabila beberapa cadangan hendak mengurangkan peruntukan dalam sesuatu kepala perbelanjaan itu juga, bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pecahan kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan itu boleh dicadangkan hanya apabila usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai diputuskan.

(9) Apabila semua masaalah-masaalah atas semua kepala perbelanjaan telah diputuskan, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa itu masaalah atau usul yang diedarkan kepadanya itu, atau jika perbelanjaan yang dicadangkan itu telah dikurangkan, Pengerusi hendaklah mengemukakan bagi diputuskan masaalah itu kepada Jawatankuasa dengan syarat ditinggalkan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dikurangkan itu. Apabila usul itu telah disetujui, hendaklah dengan serta-merta dimaklumkan kepada Majlis.

(10) Selepas penyata Jawatankuasa itu telah diterima, seorang Menteri hendaklah mencadangkan usul yang disebutkan dalam perenggan (1) dipinda, jika dikehendaki, bagi mengurangkan perbelanjaan sebanyak yang disetujukan oleh Jawatankuasa. Usul ini bolehlah dicadangkan dengan tidak dikehendaki pemberitahu dan masalah atasnya hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

[(1) A motion for a resolution on Development Estimates, 1976, shall on a motion by a Minister, which may be moved without notice, be referred to a Committee of the Whole House.

(2) On the motion to refer mentioned in paragraph (1) a debate may arise on the general policy of the Government with respect to the Development Fund and the purposes for which it is applicable.

(3) A maximum of *one* day shall be allotted for the debate on the motion to refer mentioned in paragraph (1).

(4) There shall be allotted a maximum of *two* days for the proceedings in Committee and Tuan Yang di-Pertua may allot a maximum time to be given to any of the heads in the Development Estimates. If in the case of any head the end of the allotted time is reached before that head has been disposed of, the Chairman shall put forthwith any question necessary to dispose of that head:

Provided that the Chairman may at his discretion increase the time allotted for any head but not so that the discussion in Committee shall exceed the total of two days.

(5) On consideration in Committee of a motion referred under paragraph (1), the Chairman shall call the title of each head of expenditure in turn, and shall propose the question on the motion, "That the expenditure shown in head of the Development Estimates for the year 1976 be approved.

(6) When the question mentioned in paragraph (5) has been proposed, the Minister in charge of the head concerned may speak in support of the head, and thereafter:

(i) if notice has been given of amendments to the head or to any sub-head or item

of that head, such amendments shall be disposed of in accordance with paragraphs (7) and (8);

(ii) if no notice has been given of any amendments, or when all amendments have been disposed of, a debate may take place on the motion mentioned in paragraph (5), or on that motion as amended, as the case may be; debate on the motion shall be confined to the service concerned.

(7) Amendments, of which at least two clear days' notice shall be required may be moved to the motion mentioned in paragraph (5) to omit any sub-head or item or to add at the end of the motion "subject to a reduction of" specifying the sub-head and item (if any) to which the reduction relates.

(8) When several amendments are proposed in respect of the same head, sub-head or item, an amendment seeking a reduction to the smallest sum shall be first proposed, and an amendment to omit a sub-head or item shall only be proposed after all motions for reduction have been disposed of.

(9) When all the questions on all the heads of expenditure have been disposed of, the Chairman shall, without allowing amendment or debate, put to the Committee the question on the motion referred to it, or if any reductions have been made in the proposed expenditure, shall put that question to the Committee subject to the reduction. On the motion being agreed to it shall be reported forthwith to the House.

(10) After the report of the Committee has been received a Minister shall move the motion for a resolution referred to in paragraph (1), as amended, if the case requires, to give effect to any reduction agreed to by the Committee. The motion may be moved without notice, and the question thereon shall be decided without amendment or debate.]

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri sedikit teguran atas Usul ini?

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia tegurannya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu menarik perhatian Dewan ini terhadap peraturan-peraturan baru untuk perbahasan ini. Saya tidak bangkang atas peraturan sementara untuk menimbangkan Anggaran Pembangunan ini tetapi nampaknya masa yang ditetapkan sangat rengkas. Mengikut peraturan baru ini untuk Committee Stage ada di peruntukkan dua hari, dua hari ertinya 6 jam atau 360 minit. Dalam Anggaran Pembangunan ini, ada sebanyak 42 Kepala ertinya untuk satu Kepala hanya 8 minit sahaja. Atau kalau kita mengikut senarai Kementerian, ada 21 Kementerian semuanya, atau kalau kita bahagikan bagi satu Kementerian ialah 17 minit dan selalunya apabila Yang Berhormat Menteri kemukakan Kepala-kepala mengenai Menteriannya mereka menggunakan lebih daripada setengah jam atau 20 minit. Ertinya Dewan ini tidak boleh membahaskan atau membincangkan hal-hal dalam peringkat Jawatankuasa ini dan saya harap Menteri Kewangan boleh bertimbang rasa bahawa dalam peringkat Jawatankuasa ada sekurang-kurangnya masa untuk berbincang atau satu cara setiap Menteri tak payah mengemukakan apa-apa ucapan atas Anggaran Menteriannya. Itulah satu masaalah 17 minit untuk satu Kementerian. Ini tentu tidak ada masa untuk berbincang. Seorang pun tak ada cukup masa untuk mengemukakannya. Saya harap ianya boleh difikir dan ditimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih di atas teguran Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 66 digantung mengikut Peraturan Mesyuarat 90 dan Peraturan seperti di bawah ini yang telah dipersetujui oleh Yang di-Pertua akan dipakai untuk panduan pada masa membahaskan Usul Anggaran Pembangunan, 1976:

- (1) Usul mengenai Anggaran Pembangunan 1976 hendaklah diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis oleh seseorang Menteri dan usul ini bolehlah dicadangkan dengan tidak berkehendakkan pemberitahu.
- (2) Apabila dikeluarkan usul hendak mengedarkan kepada Jawatankuasa seperti yang disebutkan dalam perenggan

(1), bolehlah dibahaskan dasar 'am Kerajaan berkenaan dengan Kumpulan Wang Pembangunan dan tujuan-tujuan perbelanjaan itu.

- (3) Selebih-lebihnya *satu* hari hendaklah diuntukkan bagi perbahasan atas usul hendak mengedarkan seperti yang disebutkan dalam perenggan (1).
- (4) Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya *dua* hari bagi perjalanan mesyuarat dalam Jawatankuasa dan Tuan Yang di-Pertua boleh menetapkan masa yang selebih-lebihnya yang hendak ditetapkan bagi apa-apa kepala dalam Anggaran Pembangunan. Jika bagi apa-apa kepala perbelanjaan itu telah genap tempoh yang ditetapkan, maka Pengerusi hendaklah dengan serta-merta mengemuka bagi diputuskan, apa-apa masaaaah yang dikehendaki bagi memberi keputusan atas kepala perbelanjaan yang dibahaskan itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Pengerusi, jika baik pada timbangannya, bolehlah melanjutkan tempoh yang ditetapkan bagi mana-mana kepala perbelanjaan itu sekadarkan perundingan dalam Jawatankuasa itu hendaklah tidak lebih daripada dua hari.

- (5) Apabila menimbangkan dalam Jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (1), Pengerusi hendaklah menyebutkan nama tiap-tiap kepala perbelanjaan lepas satu kepala, satu kepala dan hendaklah mencadangkan masaalah atas usul itu "Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala . . . dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1976 hendaklah dibenarkan".
- (6) Apabila masaalah yang disebutkan dalam perenggan (5) telah dicadangkan, Menteri yang bertanggungjawab atas kepala perbelanjaan yang berkenaan, bolehlah bercakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan selepas itu:
 - (i) jika telah dikeluarkan pemberitahu pindaan atas kepala perbelanjaan itu atau bahagian kepala perbelanjaan itu atau butir kepala perbelanjaan itu, maka pindaan-pindaan itu hendaklah diputuskan menurut perenggan-perenggan (7) dan (8);

- (ii) jika tidak dikeluarkan pemberitahuan pindaan-pindaan atau apabila semua pindaan telah diputuskan, maka bolehlah dibahaskan usul yang disebutkan dalam perenggan (5) atau sebagaimana yang dipinda, ikut mana yang dikehendaki; perbahasan atas usul itu hendaklah terhad kepada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.
- (7) Pindaan-pindaan yang dikehendaki pemberitahu sekurang-kurang dua hari terlebih dahulu, bolehlah dicadangkan atas usul yang disebutkan dalam perenggan (5) bagi meninggalkan apa-apa bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan atau bagi menambah di hujung usul itu "dengan syarat dikurangkan sebanyak" dengan ditentukan apa dia bahagian kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan (jika ada) yang hendak dikurangkan belanjanya itu.
- (8) Apabila beberapa cadangan hendak mengurangkan peruntukan dalam sesuatu kepala perbelanjaan itu juga, bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan itu boleh dicadangkan hanya apabila usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai diputuskan.
- (9) Apabila semua masalaah-masalaah atas semua kepala perbelanjaan telah diputuskan, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemuka bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa itu masalaah atau usul yang diedarkan kepadanya itu, atau jika perbelanjaan yang dicadangkan itu telah dikurangkan, Pengerusi hendaklah mengemuka bagi diputuskan masalaah itu kepada Jawatankuasa dengan syarat ditinggalkan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dikurangkan itu. Apabila usul itu telah disetujui, hendaklah dengan serta-merta dimaklumkan kepada Majlis.
- (10) Selepas penyata Jawatankuasa itu telah diterima, seorang Menteri hendaklah mencadangkan usul yang disebutkan dalam perenggan (1) dipinda, jika dikehendaki, bagi mengurangkan perbelanjaan sebanyak yang disetujui oleh Jawatankuasa. Usul ini bolehlah dicadangkan dengan tidak dikehendaki pemberitahu dan masalaah atasnya hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.
- [(1) A motion for a resolution on Development Estimates, 1976, shall on a motion by a Minister, which may be moved without notice, be referred to a Committee of the whole House.
- (2) On the motion to refer mentioned in paragraph (1) a debate may arise on the general policy of the Government with respect to the Development Fund and the purposes for which it is applicable.
- (3) A maximum of *one* day shall be allotted for the debate on the motion to refer mentioned in paragraph (1).
- (4) There shall be allotted a maximum of *two* days for the proceedings in Committee and Tuan Yang di-Pertua may allot a maximum time to be given to any of the heads in the Development Estimates. If in the case of any head the end of the allotted time is reached before that head has been disposed of, the Chairman shall put forthwith any question necessary to dispose of that head:
- Provided that the Chairman may at his discretion increase the time allotted for any head but not so that the discussion in Committee shall exceed the total of two days.
- (5) On consideration in Committee of a motion referred under paragraph (1), the Chairman shall call the title of each head of expenditure in turn, and shall propose the question on the motion, "That the expenditure shown in head of the Development Estimates for the year 1976 be approved".
- (6) When the question mentioned in paragraph (5) has been proposed, the Minister in charge of the head concerned may speak in support of the head, and thereafter;

- (i) if notice has been given of amendments to that head or to any sub-head or item of that head, such amendments shall be disposed of in accordance with paragraphs (7) and (8);
 - (ii) if no notice has been given of any amendments, or when all amendments have been disposed of, a debate may take place on the motion mentioned in paragraph (5), or on that motion as amended, as the case may be; debate on the motion shall be confined to the service concerned.
- (7) Amendments, of which at least two clear days' notice shall be required, may be moved to the motion mentioned in paragraph (5) to omit any sub-head or item or to add at the end of the motion "subject to a reduction of . . ." specifying the sub-head and item (if any) to which the reduction relates.
- (8) When several amendments are proposed in respect of the same head, sub-head or item, an amendment seeking a reduction to the smallest sum shall be first proposed, and an amendment to omit a sub-head or item shall only be proposed after all motions for reduction have been disposed of.
- (9) When all the questions on all the heads of expenditure have been disposed of, the Chairman shall, without allowing amendment or debate, put to the Committee the question on the motion referred to it, or if any reductions have been made in the proposed expenditure, shall put that question to the Committee subject to the reduction. On the motion being agreed to it shall be reported forthwith to the House.
- (10) After the report of the Committee has been received a Minister shall move the motion for a resolution referred to in paragraph (1), as amended, if the case requires, to give effect to any reduction agreed to by the Committee. The motion may be moved without notice, and the question thereon shall be decided without amendment or debate.]

Tuan Yang di-Pertua: Kuasa menguntukkan masa-masa perbahasan ialah dalam tangan Yang di-Pertua, tidak dalam tangan mana-mana Menteri pun, dan tentulah Yang di-

Pertua, akan mengambil timbangan yang cukup supaya Ahli-ahli ada cukup peluang bercakap dalam Dewan ini.

Saya dukacita baru-baru ini waktu kita mula membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga, kalau tidak silap pada dua hari Dewan ini kita lanjutkan sehingga pukul 8.30 tetapi kita terpaksa menangguhkan pada waktu yang ditetapkan pada pukul 6.30 sebab tak ada satu orang pun hendak bercakap. Ini apa maknanya. Kita memberi peluang, tak ada siapa yang hendak bercakap. Jadi terserahlah kepada Yang di-Pertua akan menimbangkan selama mana yang saya boleh benarkan Ahli-ahli bercakap. Dalam hal ini, kita cadangkan esok adalah sepanjang hari kita bahaskan atas prinsip termasuk hari ini juga yang tinggal beberapa minit lagi. Kemudian pada peringkat Jawatankuasa, kita cadangkan selama dua hari.

Atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tentulah saya percaya pihak Kerajaan mengambil ingatan. Dijemput Ahli dari Kuala Lumpur Bandar mulakan ucapannya semula.

6.06 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya berkata bahawa Anggaran Pembangunan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu Anggaran Pembangunan yang amat besar dan oleh yang demikian, peruntukan untuk pembangunan mestilah menjadi satu peruntukan yang berseimbangan (well balanced), realistic dan harus digunakan untuk memenuhi keperluan utama orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tahun 1976 adalah tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia Ketiga maka adalah mustahak pada tahun ini anggaran yang lebih besar patut diperuntukkan untuk beberapa Kementerian yang penting supaya dengan kewangan yang lebih banyak maka infrastruktur yang asas untuk semua projek-projek boleh disediakan khasnya projek-projek sosio-ekonomi. Di antara projek-projek sosio-ekonomi yang penting ialah projek-projek pembinaan perumahan awam yang berharga rendah, pembangunan kampung-kampung baru, pembukaan rancangan-rancangan tanah yang raksaksa, menyediakan pengangkutan awam yang lebih cekap dan

juga memperbaiki kemudahan-kemudahan pelabuhan dan lain-lainnya. Anggaran Pembangunan bagi tahun 1976 harus memberi keutamaan kepada projek-projek bertujuan mengurangkan kemiskinan baik di sektor bandar atau di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini adalah menjadi pendapat kami bahawa wang yang diperuntukkan sebanyak \$57 juta untuk Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan rumah untuk orang yang tidak berumah dan juga untuk keperluan penduduk-penduduk kampung baru yang menjadi sebilangan besar rakyat miskin di negara kita. Penyediaan rumah-rumah untuk mereka yang miskin dan tidak mempunyai rumah merupakan satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah kemiskinan dalam bandar yang mana saya telah katakan di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$57 juta untuk mengatasi dan menyelesaikan atau menampung keperluan perumahan awam di Semenanjung Malaysia pada tahun 1976 adalah amat tidak realistik dan berkurangan. Ketika negara kita dan khususnya bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur sedang menghadapi kekurangan teruk perumahan untuk menampung keperluan mereka yang di dalam golongan berpendapatan rendah maka peruntukan sebanyak \$57 juta harus ditambah dengan tiga kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah nyatakan tadi perumahan merupakan satu keperluan sosio-ekonomi dan oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan patut diberi peruntukan yang lebih banyak untuk projek-projek perumahan awam ini. Juga peruntukan sebanyak \$2 juta bagi tahun 1976 ini tidak akan membantu memperbaiki keadaan-keadaan kampung baru di negara kita. Sekiranya Kerajaan jujur dalam usaha membantu kampung-kampung baru, Kerajaan harus mengadakan peruntukan yang lebih besar untuk memodenkan kampung-kampung baru dengan memberikan mereka hakmilik tanah selama 99 tahun sebagai menjamin kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan dengan bantuan Kerajaan-kerajaan Negeri harus mengadakan satu pinjaman khas Kerajaan untuk menolong penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru

untuk mendapatkan hak milik. Pinjaman ini boleh dibayar beransur-ansur dalam masa 20 hingga 30 tahun atas syarat-syarat yang mudah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1976 akan menjadi lebih bermakna kepada rakyat jika rancangan-rancangan kemajuan tanah yang besar dapat dibuka untuk perusahaan pertanian selaras dengan matlamat-matlamat Rancangan Buku hijau. Negara kita mempunyai tanah yang banyak yang boleh diusahakan untuk faedah rakyat kita, khususnya petani-petani yang bersedia berusaha menanam dan menolong menambahkan pengeluaran makanan kita atau to increase food production. Tetapi sehingga kini petani-petani yang tulin adalah golongan yang terterkeciwa dalam negara kita kerana usah-usaha mereka bertubi-tubi untuk mendapatkan tanah melalui Pejabat-pejabat Tanah telah ditolak dengan mentahnya. Keadaan ini sangat-sangat menyedihkan. Kerajaan telah menegaskan akan peri mustahaknya Rancangan Buku Hijau dan kepentingan rancangan itu supaya hendak menjadikan rancangan ini mencapai kejayaan, tetapi sebaliknya telah mengecewakan petani-petani yang bersedia berusaha tanam-menanam bukan sahaja untuk mendapatkan penghidupan hari-harian malahan untuk menambatkan penghasilan makanan negara. Keadaan seperti ini harus di atasi jika Kerajaan benar-benar bertulin untuk menambahkan pengeluaran makanan maka ia harus tanpa berlengah-lengah lagi mereka mengadakan satu rancangan masa panjang untuk memberi tanah melalui Pejabat-pejabat Tanah kepada orang-orang yang tidak ada tanah yang bersedia menjadi petani-petani.

Pemberian tanah kepada petani-petani yang tidak bertanah bukan sahaja akan dapat membolehkan mereka bercucuk tanam malahan akan juga dapat mengatasi masalah tempat tumpangan mereka atau mengatasi masalah mencari tempat duduk untuk mereka.

Sekarang saya ingin merujuk sedikit mengenai kemajuan dalam Wilayah Persekutuan. Berkenaan dengan perkara ini, saya ingin mengatakan di sini bahawa Kerajaan patut mengadakan satu peruntukan yang besar untuk mencapai kemajuan yang lebih besar di dalam Wilayah Persekutuan. Dan mengenai hal ini, saya ingin menegaskan di

sini bahawa adalah sangat pentingnya mengadakan satu Plan Induk yang baharu untuk Wilayah Persekutuan bagi menggantikan pelan sepuluh tahun yang ujud sekarang yang mana mempunyai banyak kekurangan. Bagi Plan Induk yang baharu untuk berkesan dan bermakna kepada rakyat di Wilayah Persekutuan ianya mesti termasuk kira semua keperluan sosial, ekonomik dan kebudayaan rakyat. Plan Induk yang baharu ini mesti merangkakan langkah-langkah masa panjang yang berkesan untuk membasmi masalaah lalu lintas yang kian buruk dan memperbaiki kemudahan-kemudahan tempat letak kereta di Bandaraya ini dan juga memperbaiki sistem parit dan longkang. Plan ini patut bertujuan untuk menyediakan pembaikan kepada pengangkutan awam dan kawalan pembangunan untuk mengekalkan bentuk-bentuk yang indah di Bandaraya ini dan memperbaiki kawasan bandar dan mutu keadaan hidup.

Yang akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit mengenai kemajuan untuk pelabuhan-pelabuhan kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menjalankan satu penyiasatan berbagai pelabuhan di Malaysia terutama sekali di Kelang, Pulau Pinang dan Johor, kami telah dapati beberapa ciri-ciri yang huduh yang bertentangan dengan pelabuhan-pelabuhan moden dan kecuali hal-hal ini diperbaiki. Keburukan-keburukan ini akan terus menyekat kemodenan pelabuhan-pelabuhan kita sebagaimana yang berlaku pada masa-masa yang lalu. Kita telah mendengar tempoh hari Menteri Perhubungan menyatakan bahawa lebih daripada \$400 juta akan dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memodenkan pelabuhan-pelabuhan kita. Walau pun keputusan ini patut dipuji ada beberapa langkah yang mesti diambil terlebih dahulu sebelum melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Setengah-setengah aspek yang memerlukan perhatian yang segera ialah yang pertama menurunkan bayaran cargo, sedangkan pelabuhan-pelabuhan yang besar-besar di rantau ini yang mempunyai kemudahan-kemudahan sophisticated mengenakan bayaran yang lebih rendah bagi satu tan cargo, Pelabuhan Kelang kita mengenakan bayaran yang lebih tinggi sebanyak \$16 satu tan. Pungkah-memunggah barang-barang sangat lambat dijalankan dan mengambil masa berjam-jam dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan lain di rantau ini.

Dengan bayaran-bayaran yang begitu tinggi dan kerja-kerja yang lambat pelabuhan-pelabuhan kita terutama Pelabuhan Kelang akan terus lembab dan akhirnya tidak bergerak sebagai satu Pusat Impot dan pembahagian.

Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Kelang ialah sebuah pelabuhan utama di Malaysia. Ia telah ditubuhkan sebelum Merdeka untuk memenuhi keperluan negeri-negeri Tengah dan Timur Semenanjung Malaysia. Tetapi malangnya kemudahan-kemudahan di pelabuhan ini langsung tidak mencukupi sedangkan pelabuhan-pelabuhan di negeri-negeri jiran membesar dan kesudahannya pelabuhan-pelabuhan kita tertinggal di belakang. Tidak ada satu pun dry dock atau slipway di Pelabuhan Kelang yang boleh mengendalikan kapal-kapal tepi pantai sekalipun jauh sekali untuk kapal-kapal besar sedangkan agen-agen perkapalan mengadu tentang kelambatan dalam mengendalikan cargo, memperbaiki kapal dan orang penyegerakan lari dari Pelabuhan Kelang kerana ketiadaan kemudahan-kemudahan ini.

Sungguh pun di atas Kertas ada rancangan-rancangan untuk membina dry dock di Pelabuhan Kelang oleh organisasi private atau persendirian, pihak berkuasa Pelabuhan Kelang adalah merasa pesimistik terhadap perlaksanaan rancangan-rancangan yang sebenarnya. Keadaan yang tidak tentu inilah yang menghindarkan pekerja-pekerja kita yang berpengalaman dari Singapura untuk balik ke Malaysia. Beratus-ratus orang Malaysia sedang bekerja di pelabuhan Singapura. Dalam beberapa tahun yang lampau mereka telah memperolehi kemahiran atau skil mengenai penyegerakan dan memperbaiki kapal-kapal. Ramai dari mereka telah menyatakan hasrat hendak pulang ke tanah-air, tetapi ketiadaan kemudahan-kemudahan menahan mereka dari kembali ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun yang lepas pelabuhan-pelabuhan telah menampung kapal-kapal yang berkontinerasi (containerised ships). Barang-barang yang diangkut dengan cara ini dianggap akan sampai ke destinasiya dengan lebih cepat dengan mengurangkan pembinaasaan dan kecurian ke atas barang-barang yang diangkat itu. Ramai pengimpot-pengimpot lebih suka menggunakan cara pengangkutan kapal ini kerana cara ini bukan sahaja akan menyegerakan pengangkutan barang-barang mereka

tetapi juga barang-barang tersebut akan selamat. Tetapi ini tidak berlaku di Pelabuhan Kelang. Wakil-wakil perkapalan mengadu bahawa masa yang diambil untuk membawa barang-barang mereka dari Pelabuhan Kelang ke kilang-kilang mereka di Petaling Jaya adalah lebih daripada masa yang diambil untuk mengangkut barang-barang yang sama itu dari Australia ke Pelabuhan Kelang. Saya diberitahu kadangkala masa yang diambil untuk mengangkut barang-barang dari Pelabuhan Kelang ke kilang-kilang di Petaling Jaya mengambil masa selama enam bulan. Masa ini amatlah panjang dan cara-cara yang sesuai mestilah diambil untuk mengatasi masalah ini. Ini telah mengakibatkan beberapa pengimpot-pengimpot kembali kepada sistem perkapalan yang lama (conventional system). Kontinerisasi (containerisation) juga dijangka akan mengurangkan pencurian dan pembinasan barang-barang yang sering berlaku di Pelabuhan Kelang dan pelabuhan tersebut dianggap sebagai sebuah pelabuhan yang amat buruk.

Semenjak beberapa tahun yang lepas Pelabuhan Kelang dikenali sebagai sebuah Pelabuhan yang mempunyai kadar pencurian serta pembinasan barang-barang yang amat tinggi. Pengimpot-pengimpot yang ingin mengelakkan kerugian telah memilih sistem pengangkutan kontinerisasi (containerised transport). Malangnya, sistem kontinerisasi tidak menyelesaikan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Kecurian barang-barang serta kadar pembinasan barang-barang telah bertambah walaupun sistem kontinerisasi digunakan. Sekiranya Kementerian Perhubungan tidak dapat menyelesaikan perkara ini maka pengangkutan perkapalan melalui sistem kontinerisasi tidak akan mempunyai masa depan yang cemerlang, sedangkan pelabuhan-pelabuhan di negara-negara lain memperbaiki serta meningkatkan sistem pengangkutan perkapalan mereka. Jika kita tidak mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki sistem pengangkutan kita, kita akan ketinggalan.

Akhirnya, saya berharap bahawa Kementerian Perhubungan akan mengambil pandangan yang serious terhadap perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang kian dihadapi oleh pengimpot-pengimpot. Adalah tidak berfaedah jika projek-projek raksaksa dibina atau dirancang tetapi masalah-masalah

seumpama ini dibiarkan berlaku. Saya berharap kelemahan-kelemahan ini akan diatasi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga supaya pelabuhan-pelabuhan yang terdapat di negara-negara kita akan menarik lebih banyak kapal-kapal dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan untuk memperbaiki kapal dan lain-lain. Jika dibuat demikian pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura akan kembali ke tanah-air kita untuk bekerja di pelabuhan-pelabuhan kita untuk menjalankan perkhidmatan (service) memperbaiki dan menyelenggarakan kapal-kapal.

Itulah sahaja pandangan-pandangan yang saya ingin ucapkan mengenai Anggaran Pembangunan Tahun 1976.

6.24 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Anggaran Pembangunan, 1976 yang mana ini adalah satu peluang bagi saya kerana pada minggu yang lepas saya tidak berpeluang disebabkan ramai rakan-rakan saya telah bercakap. Jadi saya bangun turut menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengisytiharkan Rancangan Malaysia Ketiga pada 19-7-76, di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu harapan rakyat tinggal harapan sahaja, di mana kaum bumiputra akhirnya akan mendapat keuntungan dan peluang yang minima sahaja dari perbelanjaan yang begitu banyak diuntukkan, dan orang yang mendapat keuntungan dari Rancangan Malaysia Ketiga ini yang banyak sekali ialah yang bukan Melayu dan pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa pelancaran Rancangan Malaysia Kedua dahulu 1971-1975 walaupun didapati licin dan pesat perjalanannya tetapi terdapat juga rakyat bersungut dan berasa hampa kerana pelaksanaan rancangan pembangunan ada juga kelemahannya iaitu penyelewengan oleh setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan dalam Jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang tertentu.

Badan Berkanun yang ada penyelewengan berlaku yang kita dapat jelaskan di sini ialah RISDA yang mana pujian patut diberi kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan

Utama yang telah dapat membongkarkan penyelewengan pegawai-pegawai dan kaki-tangannya.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui pembangunan-pembangunan yang di-diri dan dibina oleh Kerajaan seperti rumah-rumah, jambatan dan sebagainya berlaku juga penyelewengan kerana nilai harganya sangat tinggi dan tidak sama dengan nilai benda-benda itu. Perkara ini tentulah ada tempat sangkutnya, perkara ini patut sangat diselidiki dan diawasi sungguh-sungguh. Terdapat juga layanan pegawai-pegawai kita kepada rakyat yang kurang berada tidak berapa memuaskan. Sebaliknya, keistimewaan layanan kepada orang-orang yang berada, orang kaya-kaya, orang atasan sahaja mendapat tempat yang istimewa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau beginilah amalannya yang ketinggalan tetap juga akan tinggal begitu sahaja dan orang yang kaya akan bertambah kaya lagi dan kita tidak dapat mencapai matlamat bagi membasmi-kan kemiskinan serta merobahkan masyarakat dan menjamin keselamatan negara, sebagaimana yang dicita-citakan dan diharapkan oleh rakyat dan negara.

Saya sungguh berasa sangsi sekali, cita-cita Kerajaan dan rakyat hendak mencapai matlamat ekonomi bumiputra 30% hingga tahun 1990 tidak akan berjaya, sebaliknya hanya menjadi angan-angan sahaja kiranya kaum bumiputra tidak diberi bimbingan. Pihak Kerajaan tidak dapat disalahkan dengan memperuntukan wang dan kemudahan-kemudahan kepada kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kerajaan di Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun serta agensi-agensi Kerajaan yang lain sebagai jentera pelaksanaan hendaklah berdedikasi dan bermoral. Oleh itu, patut sangatlah mereka ini diorientasikan sikap mereka terlebih dahulu. Begitu juga tiap-tiap Kementerian hendaklah diadakan seorang pegawai khas yang bertanggung-jawab serta mengesan segala kerja-kerja yang dilaksanakan dan menjadi pegawai perhubungan antara negeri-negeri dan juga di daerah-daerah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keselamatan negara mestilah diutamakan, pendeknya semua rancangan-rancangan Kerajaan dan syor-syor Ahli-ahli Dewan Rakyat, berkenaan dengan keselamatan di Dewan

yang mulia ini yang disyorkan itu hendaklah dilaksanakanlah terutama gaji-gaji mereka yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kepada Pasukan Polis dan Tentera bagi menjamin kehidupan mereka di masa hadapan serta menggalakkan para belia kita supaya mahu berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga senjata, kelengkapan, perumahan dan sebagainya diambil perhatian sungguh-sungguh serious dan dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Berkenaan dengan tanah, Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan, kecurangan-kecurangan, kelambatan-kelambatan yang berterus-terusan berlaku dalam pembahagian tanah kepada orang-orang miskin akan menjadi ancaman sosial yang amat meruncingkan tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan berpuluh-puluh tahun lagi. Walaupun ada FELDA, FELCRA, dan lain-lain, ini tidak mengurangkan masalah pembahagian tanah yang adil. Perubahan sikap pentadbir-pentadbir tanah belum memadai dan masih di peringkat lama juga. Seluruh tenaga pentadbiran tanah haruslah diarah dan digembelinkan ke kiblat mencapai sepenuh kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tekankan peri mustahaknya pemberian tanah tapak-tapak rumah berserta dusun-dusun (keluasan minima yang dijamin 2 ekar tiap-tiap seorang yang berkeluarga)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung besok kerana masa sudah cukup.

Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim: Insya Allah, terima kasih.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, disebabkan Yang Berhormat Tuan Farn Seong Than telah menarik balik Ucapan Penangguhannya, oleh itu tidak adalah Ucapan Penangguhan, seperti mana yang telah dicadangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 29hb Julai, 1976. Dan pada hari esok Dewan ada peluang membincangkan ucapan dasar berkenaan dengan Anggaran Pembangunan, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.